

**KAJIAN MENGENAI PERANAN HARI MANTAI DI  
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU NEGERI  
SEMBILAN**

**NUR IFFAH MUSFIRAH BINTI OSMAN**

**UNIVERSITI**

**MALAYSIA**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

**FTKw**



# **KAJIAN MENGENAI PERANAN HARI MANTAI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU NEGERI SEMBILAN**

Oleh

**NUR IFFAH MUSFIRAH BINTI OSMAN**

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- |                                     |                |   |
|-------------------------------------|----------------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya besetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SULIT</b>   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*.  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*              |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:



DR AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

musfirah

980319-05-5174

Tarikh: 28.02.2022

Tarikh: 02.03.2022

**DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnianya serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna walaupun menempuh pelbagai cabaran. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr Ainul Wahida Binti Radzuan di atas tunjuk ajar, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan sehingga memberi kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pihak institusi kajian ini iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan berterima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini dan membantu dari segi prosedur ketika melakukan kajian ini.

Selain itu, sekalung penghargaan dan mengucapkan berterima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa saya dan ahli keluarga saya yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dan doa serta telah banyak membantu saya dalam menghasilkan tesis ini. Ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang turut bersama saya dalam menyiapkan tesis serta sering berkongsi maklumat antara satu sama lain. Segala pengorbanan dan bantuan yang diberikan amatlah saya sanjungi dan ingati.

Akhir kata, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan buah fikiran dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada para pengguna dan pengkaji di masa akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

# **KAJIAN MENGENAI PERANAN HARI MANTAI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU NEGERI SEMBILAN**

## **ABSTRAK**

Hari Mantai merupakan amalan tradisi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, dan ia masih diamalkan sehingga kini. Hari Mantai dikaitkan dengan tradisi orang ramai berkumpul untuk menyembelih ternakan sebelum menyambut ketibaan bulan puasa Ramadan dan Aidilfitri. Walaubagaimanapun, amalan tradisional itu kurang diamalkan pada masa kini, dan generasi muda jarang terlibat dalam proses itu kerana kurang pendedahan mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan Hari Mantai terhadap masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Terdapat tiga objektif utama kajian ini: untuk mengenal pasti amalan yang berlaku semasa Hari Mantai, mengkaji peranan Hari Mantai berdasarkan perspektif masyarakat, dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam memelihara dan mengekalkan Hari Mantai. Kajian ini dijalankan di Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran dalam mendapatkan data. Seramai 10 orang responden telah di temu bual, manakala 97 orang responden telah diberikan soal selidik. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa Hari Mantai amat penting dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan kerana ia mengandungi nilai-nilai yang berbeza seperti nilai sosial, kebersamaan dan kepuatan. Terdapat juga mekanisme yang relevan dalam mengekalkan Hari Mantai berdasarkan peranan yang berbeza dalam peringkat hierarki masyarakat seperti individu, komuniti, kerajaan negeri dan pelbagai institusi. Dari segi itu, kajian ini penting kerana ia memberikan pengetahuan tentang Hari Mantai dan cadangan untuk pihak berkepentingan untuk mengekalkannya pada masa hadapan.

Kata kunci: Amalan, Peranan Hari Mantai, Perspektif Masyarakat, Memelihara  
(Ahmad, 2011) (Ahmad, 2011) (Ahmad, 2011)

# **A STUDY ON THE ROLES OF HARI MANTAI DAY AMONGST THE MALAY COMMUNITY IN NEGERI SEMBILAN**

## **ABSTRACT**

Hari Mantai is a traditional practice of the Malay community in Negeri Sembilan, and it is still practised in the present. Hari Mantai is related to a tradition where people get together to butcher the livestock before celebrating the arrival of the fasting month of Ramadan and Eid. However, the traditional practice is less practised in the present day, and the younger generation is rarely involved in the process due to their lack of exposure. Thus, this study aims to examine the roles of Hari Mantai towards the Malay community in Negeri Sembilan. There are three main objectives of this study: to identify practices that occurred during Hari Mantai, examine the roles of Hari Mantai based on perspectives of the community, and analyse the relevant mechanism in preserving and sustaining Hari Mantai. This study was conducted in Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan by adopting a mixed-method approach in obtaining the data. A total of 10 respondents were interviewed, while 97 respondents were given a questionnaire. As a result, this study found that Hari Mantai is vital in the Malay community in Negeri Sembilan as it contains different values such as social values, togetherness and conformity. There are also relevant mechanisms in sustaining Hari Mantai based on different roles in hierarchical levels of society such as individuals, communities, state governments and various institutions. In that sense, this study is significant as it provides knowledge on Hari Mantai and a recommendation for the stakeholders to sustain in the future.

Keywords: Practice, Role of Hari Mantai, Perspectives of the Community, Preserving

**SENARAI RAJAH**

- Rajah 1.1 Peta Negeri Sembilan
- Rajah 1.2 Kawasan Pantai, Seremban, Negeri Sembilan
- Rajah 2.1 Kaum di Negeri Sembilan
- Rajah 2.2 Umur di Negeri Sembilan
- Rajah 3.1 Metodologi Pendekatan Kaedah Kualitatif
- Rajah 3.2 Proses Analisis Data
- Rajah 4.1 Dewan Masyarakat Pantai
- Rajah 4.2 Proses Penyembelihan dan Melapah
- Rajah 4.3 Proses Penjualan Daging Mantai
- Rajah 4.4 Aktiviti Membuat dan Membakar Lemang
- Rajah 4.5 Aktiviti Membuat Rendang Ayam Maman
- Rajah 4.6 Aktiviti Membuat Ketupat
- Rajah 4.7 Aktiviti Membuat Kuah Kacang

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 2.1 Populasi Penduduk Negeri Sembilan
- Jadual 3.1 Senarai Informan Kajian
- Jadual 3.2 Pembahagian Soalan Soal Selidik
- Jadual 4.1 Kategori Jantina
- Jadual 4.2 Kategori Umur
- Jadual 4.3 Kategori Bangsa
- Jadual 4.4 Kategori Negeri Kelahiran
- Jadual 4.5 Kategori Negeri Bermastautin
- Jadual 4.6 Kategori Pendidikan
- Jadual 4.7 Pengetahuan Tentang Hari Mantai
- Jadual 4.8 Menerima Maklumat Tentang Hari Mantai
- Jadual 4.9 Peranan Individu Dalam Mengelakkan Kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan
- Jadual 4.10 Peranan Masyarakat Dalam Mengelakkan Kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan
- Jadual 4.11 Peranan Kerajaan Negeri Dalam Mengelakkan Kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan
- Jadual 4.12 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Mengelakkan Kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	v
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Individu	7
1.6.2 Institusi Pendidikan	8
1.6.3 Masyarakat	8
1.7 Struktur Projek Penyelidikan	9
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	10
2.0 Pengenalan	10
2.1 Negeri Sembilan dan Warisan Budaya	10
2.1.1 Penduduk	11

2.1.2 Ekonomi	13
2.1.3 Warisan Budaya (Warisan Tak Ketara)	14
2.2 Penghijrahan Masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan	15
2.3 Adat Perpatih di Negeri Sembilan	19
2.4 Hari Mantai	20
2.4.1 Fungsi Hari Mantai	20
2.4.2 Peranan Hari Mantai	22
2.5 Teori Persepsi dalam Hari Mantai	23
2.6 Penutup	25
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	27
3.0 Pengenalan	27
3.1 Kaedah Penyelidikan : Kaedah Campuran	27
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	28
3.1.2 Pendekatan Kuantitatif	29
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	30
3.2.1 Data Primer	31
3.2.2 Data Sekunder	34
3.3 Pensampelan Kajian	36
3.4 Analisis Kajian	38
3.4.1 Analisis Tematik	39
3.4.2 Analisis Diskriptif	41
3.5 Penutup	42
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	44
4.0 Pengenalan	44

4.1 Demografi Responden dan Kajian Soal Selidik	45
4.2 Amalan yang berlaku pada Hari Mantai di Negeri Sembilan	49
4.2.1 Pengetahuan dan Penerimaan Maklumat tentang Hari Mantai	50
4.3 Proses Perlaksanaan Hari Mantai	62
4.3.1 Sebelum Hari Mantai	62
4.3.2 Semasa Hari Mantai	63
4.3.3 Selepas Hari Mantai	65
4.4 Peranan Hari Mantai menurut Perspektif Masyarakat di Negeri Sembilan	68
4.4.1 Nilai Kemasyarakatan	68
4.4.2 Kebersamaan	69
4.4.3 Kepatuhan	71
4.5 Faktor yang Mewujudkan Nilai-Nilai Murni dalam Hari Mantai Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.	72
4.6 Mekanisme Relevan Dalam Mengkalkan Dan Melestarikan Hari Mantai Di Negeri Sembilan	74
4.6.1 Peranan Individu	74
4.6.2 Peranan Masyarakat	78
4.6.3 Peranan Kerajaan Negeri	80
4.6.4 Peranan Institusi Pendidikan	83
4.7 Penutup	86
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	88
5.0 Pengenalan	88

5.1 Rumusan Kajian	90
5.2 Penentuan Utama	91
5.3 Cadangan	92
5.3.1 Kajian Akan Datang	92
5.3.2 Kesedaran Masyarakat terhadap Kepentingan Hari Mantai	93
5.3.3 Institusi Pendidikan melakukan Pendedahan Awal Terhadap Hari Mantai	93
5.3.4 Pengiktirafan Warisan Orang Hidup Masyarakat Melayu Di Negeri Sembilan	93
<b>APENDIKS</b>	95
<b>RUJUKAN</b>	98

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan


Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang mempunyai masyarakat majmuk. Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan mempunyai budaya yang tersendiri. Budaya secara umumnya berkait rapat dengan budi dan akal (Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat, 2017). Perkataan budaya di dalam Bahasa Inggeris iaitu *culture* berasal daripada perkataan Latin yang disebut *colere* bermaksud kehidupan sebuah masyarakat yang memelihara dan menjalankan yang lebih terperinci, budaya yang dihasilkan (Zeckry, 2020). Dari sudut definisi yang lebih terperinci, budaya ditafsirkan sebagai berkaitan dengan budi dan akal. Perkataan budi membawa maksud pandangan yang sempurna dan asli dan daya pula dimaksudkan sebagai sesebuah jalan fikiran yang dikembangkan (Subramanian, 2015).

Dari segi bahasa pula, budaya adalah sesuatu kebiasaan yang berkembang dalam masyarakat yang disatukan dengan ritual adat dan agama (Subramaniam, 2015). Dalam erti kata lain, budaya dianggap sebagai sesuatu yang telah diamalkan sejak dahulu dan dijadikan sebahagian dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat (Dasuki, 2019). Dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, budaya yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau iaitu Hari Mantai telah menjadikan salah satu tradisi penting yang masih dipraktikkan sehingga kini.

Aktiviti yang dijalankan pada Hari Mantai adalah bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturrahim dan telah menjadikan kewajipan bagi masyarakat melayu di Negeri Sembilan. Malahan, aktiviti Hari Mantai dilakukan bersama keluarga dan masyarakat

di sekitar kawasan yang melakukan aktiviti Hari Mantai untuk meraikan kedatangan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

### 1.1 Latar Belakang Kajian



Rajah 1.1: Peta Negeri Sembilan

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan, 2021

Rajah 1.1 menunjukkan peta Negeri Sembilan. Tradisi Hari Mantai atau lebih dikenali sebagai mogang di Negeri Sembilan dianggap sebagai budaya dan adat masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Hal ini kerana, tradisi Hari Mantai masih dipraktikkan untuk meraikan kedatangan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Namun, sebilangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang mengamalkan tradisi Hari Mantai. Antara, daerah yang masih popular melaksanakan tradisi Hari Mantai di Seremban, Rembau, Jelebu, Jempol dan Tampin. Selain itu, bagi masyarakat yang tidak berasal dari Negeri Sembilan akan tertanya-tanya apakah itu

tradisi Hari Mantai yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Ini menunjukkan Hari Mantai masih jarang diketahui, apatah didengari oleh sebahagian masyarakat negara ini.

Walaubagaimanapun, Mantai merupakan perkataan asal membantai. Ini adalah kerana, Hari Mantai merupakan hari untuk menyediakan daging segar yang disembelih oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Perlaksanaan Hari Mantai dilakukan sehari sebelum ketibaan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan menyambut Hari Mantai secara bergotong-royong, melapah daging, dan mengadakan aktiviti membakar lemang, membuat rendang dan sebagainya.

Seterusnya, Hari Mantai adalah salah satu lambang identiti budaya dan adat masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan perlu mengamalkan sikap ingin tahu mempelajari amalan-amalan tradisi Hari Mantai diteruskan di Negeri Sembilan. Oleh itu, Hari Mantai dapat dianggap sebagai satu perkara yang wajib dilaksanakan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan berdasarkan budaya masyarakat Minangkabau.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kebudayaan asli masyarakat Melayu di Negeri Sembilan mengikut budaya yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau telah wujud sejak zaman terdahulu lagi. Hal ini kerana, dalam adat istiadat masyarakat Melayu di Negeri Sembilan kebanyakannya dipengaruhi oleh unsur-unsur asli masyarakat Minangkabau. Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan masih mengelakkan tradisi Hari Mantai yang diwarisi daripada nenek moyang mereka (Kamarudin, 2019). Disebabkan perubahan peredaran zaman telah

mengurangkan nilai kemasyarakatan dalam tradisi Hari Mantai (Jalil, 2020). Ini menyebabkan, Hari Mantai yang diamalkan pada masa kini telah disalah erti konsep membantai dan kebersamaan kepada konsep berjuadah (Zulkifli, 2021).

Perkara yang dinyatakan oleh Zulkifli (2021) terhadap aktiviti Hari Mantai berlaku disebabkan kurangnya pendedahan dan pengamatan masyarakat Melayu Negeri Sembilan terutamanya golongan muda. Hari Mantai merupakan amalan tradisi ini kurang didokumentasikan untuk rujukan dan penghayatan generasi masa kini. Kekurangan pendokumentasian boleh menghilangkan minat generasi muda untuk lebih mengenali warisan yang ada di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Hari Mantai seharusnya perlu diwarisi supaya dapat dibawa ke generasi akan datang. Generasi muda memainkan peranan penting dalam memartabatkan Hari Mantai. Oleh itu, masyarakat perlu mengamalkan sikap ingin tahu dan mengenal lebih dekat tentang Hari Mantai bagi memastikan amalan ini terus diamalkan sebagai lambang identiti masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan pada masa kini mengambil mudah terhadap tradisi Hari Mantai. Hal ini kerana, cara hidup individualistik yang tidak ambil tahu tentang masyarakat sekeliling telah mengurangkan nilai kemasyarakatan. Ini menunjukkan dari sudut pengekalan nilai kemasyarakatan, ianya dianggap telah melanggar kepatuhan dan konsep kebersamaan dalam tradisi Hari Mantai. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang peranan Hari Mantai di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan utama di dalam kajian ini iaitu


- i. Apakah amalan tradisi Hari Mantai di dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan?
- ii. Apakah peranan Hari Mantai menurut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan?
- iii. Apakah untuk mekanisme yang relevan dalam mengekalkan dan melestarikan Hari Mantai di Negeri Sembilan?

### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif utama di dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti amalan yang berlaku pada Hari Mantai di Negeri Sembilan.
- ii. Mengkaji peranan Hari Mantai menurut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan.
- iii. Menganalisis mekanisme yang relevan dalam mengekalkan dan melestarikan Hari Mantai di Negeri Sembilan.

## 1.5 Skop Kajian



Rajah 1.2: Peta Kawasan Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan

Sumber: Google Maps

Rajah 1.2 menunjukkan peta kawasan Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti amalan yang berlaku pada Hari Mantai, mengkaji peranan Hari Mantai dan melestarikan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini bertumpu di Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Kampung Pantai dipilih sebagai tempat kajian kerana penduduk disitu mengamalkan tradisi Hari Mantai. Kampung Pantai terdiri daripada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Kaedah yang digunakan di dalam pendekatan kualitatif adalah temubual dan pemerhatian, manakala pendekatan kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Responden kajian ini adalah seramai 10 orang temubual dan 97 orang responden daripada borang selidik. Data yang didapati dalam kajian lapangan di analisis menggunakan kaedah analisis tematik dan analisis deskriptif.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Maklumat yang tepat amat penting supaya perancangan yang dilakukan dapat menghasilkan keputusan yang optimum. Kajian ini mempunyai kepentingan kepada individu, institusi pendidikan pendidikan dan masyarakat.

### **1.6.1 Individu**

Kajian ini penting kepada individu yang memerlukan rujukan terperinci berkaitan amalan Hari Mantai. Maklumat terperinci yang terdapat dalam kajian adalah asal usul masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan masyarakat Minangkabau yang asalnya adalah perantau dari Indonesia, elemen serta proses yang terdapat dalam amalan Hari Mantai ini. Kajian tentang Hari Mantai ini akan membantu individu yang memerlukan maklumat menyeluruh tentang definisi budaya dan konsep asal tradisi Hari Mantai yang semakin pudar dalam ingatan orang-orang lama. Pendokumentasian kajian ini bakal menjadi kamus rujukan buat individu terutama yang tinggal di Negeri Sembilan bagi mengenalpasti identiti masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang seharusnya dibanggakan oleh generasi akan datang. Kajian ini juga dipilih oleh pengkaji kerana ia berdekatan dengan kediaman pengkaji dan merupakan amalan tradisi yang diamalkan oleh keluarga pengkaji sejak turun temurun. Terdapat beberapa kawasan yang telah pengkaji membuat tinjauan kajian lapangan.(rujuk Apendiks)

### 1.6.2 Institusi Pendidikan

Kajian ini juga sedikit sebanyak akan mendorong mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan dan universiti awam lain untuk melakukan kajian yang lebih mendalam tentang amalan Hari Mantai dan dapat membantu pihak pengurusan universiti melahirkan mahasiswa yang cenderung menghasilkan kajian berkualiti di masa akan datang.

### 1.6.3 Masyarakat

Kajian ini juga memberikan manfaat kepada masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang kurang pendedahan tentang Hari Mantai ini. Kajian ini akan dijadikan sebagai panduan sekiranya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan itu sendiri keliru dengan konsep asal dan budaya yang perlu ada dalam amalan ini kerana mewarisi dan mengamalkan sesuatu tradisi itu tanpa memahami konsep dan tujuan asalnya ibarat ‘tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan’ yang membawa maksud tidak berubah-ubah dan kekal selamanya. Dapatkan kajian ini juga amat penting kepada pengamal budaya dan boleh dijadikan sebagai rujukan atau kajian lanjutan dalam memastikan bukan sahaja masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, tetapi semua lapisan masyarakat mengetahui keindahan amalan Hari Mantai yang terdapat di Negeri Sembilan serta memberi gambaran sebenar persepsi dalam aspek pengekalan Hari Mantai di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

## **1.7 Struktur Projek Penyelidik**

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Kesinambungan bab ini akan diteruskan dengan bab dua iaitu kajian literatur. Bab dua membincangkan secara ringkas tentang Negeri Sembilan dan Warisan Budayanya, Penghijrahan Masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Hari Mantai pula memfokuskan tentang fungsi dan peranan Hari Mantai. Kemudian menerapkan konsep teori persepsi di dalam Hari Mantai. Seterusnya, bab ketiga adalah metodologi kajian yang membincangkan tentang kaedah untuk mengumpul data maklumat semasa kerja lapangan di kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Pengkaji menggunakan kaedah campuran iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Pengkaji juga menganalisis data menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif. Seterusnya, bab empat adalah hasil dapatan kajian yang menjawab tentang amalan yang berlaku pada Hari Mantai, peranan Hari Mantai, mengelakkan dan melestarikan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Akhir sekali, bab lima adalah kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji untuk penambahbaikan terhadap kajian mengenai peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Bab dua membincangkan mengenai Negeri Sembilan dan warisan budayanya. Bab ini memfokuskan mengenai sejarah Negeri Sembilan, penduduk, ekonomi dan warisan budaya tidak ketara. Bab ini juga membincangkan mengenai penghijrahan masyarakat Minangkabau yang membawa budaya dan warisan di negeri Sembilan. Seterusnya, Hari Mantai yang merupakan salah satu praktis yang sering diamalkan oleh masyarakat melayu di Negeri Sembilan akan dikupas di penghujung bab ini.

#### 2.1 Negeri Sembilan Dan Warisan Budaya

Di Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai warisan kebudayaan. Hal ini kerana, setiap negeri mempunyai amalan tradisi yang melambangkan sebuah identiti. Kajian ini memfokuskan tentang Negeri Sembilan yang terletak di pantai barat semenanjung Malaysia. Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang dibahagikan kepada beberapa daerah yang digelarkan sebagai Luak. Luak bermaksud wilayah yang dijadikan sebagai tanah jajahan dan diketuai oleh seorang undang di Negeri Sembilan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan keunikan budaya tersendiri dan amalan tradisi yang sangat berbeza dengan negeri lain. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), budaya didefinisikan sebagai cara sesebuah kehidupan yang dibawa oleh sesebuah masyarakat terdahulu pada masa lampau. Manakala tradisi didefinisikan sebagai sesuatu kebiasaan yang kekal untuk dibawa

secara turun-temurun kepada sesebuah masyarakat (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Selain itu, Negeri Sembilan cukup terkenal dengan warisan adat dan budayanya. Ini jelas dilihat dengan amalan adat perpatih yang dilihat menjaga hak wanita berbanding dengan adat warisan di beberapa negeri lain. Menurut Saludin (2015), Negeri Sembilan mempunyai kepelbagaian dan keunikan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.

Di dalam kajian ini tradisi Hari Mantai merupakan amalan yang selalu dilakukan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan beranggapan bahawa Hari Mantai merupakan sebuah tradisi yang menonjolkan identiti sesebuah masyarakat (Osman, 2020). Tradisi juga merupakan penciptaan masa depan daripada masa lalu. Ianya adalah cara berkomunikasi dari generasi ke generasi melalui peristiwa-peristiwa sejarah yang telah berlaku di suatu tempat (Glassie, 1995).

### 2.1.1 Penduduk


Negeri Sembilan mempunyai keluasan 6,645 km persegi atau 664,591 hektar. Ibu negeri bagi Negeri Sembilan adalah Seremban yang telah mendapat status bandaraya pada Januari, 2020. Terdapat tujuh daerah iaitu, daerah Seremban, Jelebu, Jempol, Rembau, Tampin, Kuala Pilah dan Port Dickson (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Jadual 2.1: Populasi Penduduk Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Jumlah Penduduk (juta)	1.16
Bilangan Tempat Kediaman (ribu)	387
Bilangan lelaki (ribu)	605.8
Bilangan Perempuan (ribu)	556.8

Berdasarkan jadual 2.1, populasi penduduk Negeri Sembilan dianggarkan sebanyak 1.16 juta orang pada tahun 2021. Bagi bilangan tempat kediaman pula adalah sebanyak 387 ribu. Bilangan lelaki lebih tinggi daripada perempuan iaitu 605.8 ribu orang dan 556.8 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).




Rajah 2.2: Kaum di Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Rajah 2.2 menunjukkan dari segi komposisi kaum pula di mana, bumiputera sebanyak 62% mencatatkan 663.4 ribu orang. Diikuti kaum cina adalah sebanyak 22% iaitu 244.6 ribu orang dan kaum India 15% adalah 162.4 ribu

orang. Bagi kaum lain-lain sebanyak 1% mencatatkan 6.1 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).



Rajah 2.2: Umur di Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Rajah 2.3 menunjukkan struktur umur penduduk Negeri Sembilan di mana untuk golongan penduduk yang berumur berumur 0 hingga 14 tahun menunjukkan 21.8% manakala kumpulan umur 65 keatas adalah sebanyak 8.2% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Melalui jabatan perangkaan Malaysia (2021) menyatakan jangkaan hayat perempuan lebih tinggi daripada lelaki iaitu 77.2 tahun dan 71.4 tahun. Kelahiran dan kematian tahun 2020 masing-masing mencatatkan 18,177 ribu orang dan 7,298 ribu orang.

### 2.1.2 Ekonomi

Secara umumnya, ekonomi Negeri Sembilan adalah berasaskan pertanian iaitu pembukaan ladang getah dan kelapa sawit, kawasan ternakan haiwan, dusun buah-buahan dan tanaman sayur-sayuran. Seluas 309,850 hektar telah digunakan untuk menjalankan industri pertanian (Jabatan Perangkaan Malaysia 2021). Namun kini, menurut Datuk Seri Mohammad Hasan (2015) menyatakan pembangunan ekonomi Negeri Sembilan telah membawa perubahan besar dengan membangunkan beberapa

kawasan perindustrian utama di kawasan seperti Senawang, Sungai Gadut, Taman Industri Tuanku Jaafar, Nilai dan Tanah Merah di Port Dickson.

Kerajaan Negeri telah membuat sasaran di dalam pelaburan tahunan sebanyak RM1 billion setahun (Syukri, 2021). Ini menunjukkan pembangunan yang dijalankan secara konsisten mampu menjadi penyumbang ekonomi utama negeri pada masa akan datang. Pada tahun 2018 dan 2019 jumlah pelaburan meningkat sebanyak RM1.17 menyebabkan mele过asi sasaran iaitu RM2.43 billion dan RM3.6 billion. Oleh itu, dengan peningkatan yang positif dapat mewujudkan lebih 3,347 peluang pekerjaan (Syukri, 2021).

#### 2.1.3 Warisan Budaya (Warisan Tak Ketara)

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang memiliki pelbagai warisan. Warisan yang ada di Negeri Sembilan melambang sebuah identiti tersendiri dan membezakan dengan negeri yang lain. Warisan didefinisikan sebagai peninggalan oleh masyarakat terdahulu untuk diwarisi kepada generasi masa kini (Rusdi et al., 2012). Warisan juga berkait rapat dengan sejarah yang bernilai terhadap kewujudan sesuatu kawasan. Menurut UNESCO (2003), warisan merupakan sesuatu yang diturunkan dari generasi ke generasi. Warisan juga sesuatu yang telah ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu sama ada boleh bergerak atau tidak boleh bergerak dan boleh dilihat atau tidak boleh dilihat (Akta Harta Benda Purba, 1976). Walaubagaimanapun, Akta Harta Benda Purba (1976) telah dimansuhkan dan diganti oleh Akta Warisan kebangsaan (2005). Warisan juga membawa maksud sesuatu peralatan yang diciptakan oleh generasi terdahulu dan digunakan dalam kehidupan seharian (Yusoff et al., 2011).

Warisan budaya tidak ketara diturunkan secara turun temurun daripada nenek moyang sehingga ke generasi-generasi kini secara lisan bagi memastikan adat dan budaya mereka terus kekal terpelihara (UNESCO, 2003). Warisan budaya tidak ketara sangat penting untuk mengekalkan kepelbagaiannya dalam menghadapi pelbagai cabaran. Hal ini kerana, warisan tidak ketara menyumbang kepada pembentukan budaya yang mendorong perpaduan sosial (Sheenagh, 2009). Menurut UNESCO (2003), warisan budaya tidak ketara membawa maksud :

*This intangible cultural heritage, transmitted from generation, is constantly recreated by communities and groups in response to their environment, their interaction with nature and their history, and provides them with a sense of identity and continuity, thus promoting respect for cultural diversity and human creativity.*

Berdasarkan pernyataan di atas warisan budaya tidak ketara merupakan warisan budaya yang diturunkan dari generasi terdahulu ke generasi sekarang dan diciptakan semula oleh komuniti seterusnya. Warisan budaya tidak ketara dapat memberikan sebuah masyarakat untuk merasai identiti mereka sendiri dan mampu mendorong mereka melakukan penghormatan dalam bentuk kepelbagaian dan kreativiti manusia.

## **2.2 Penghijrahan Masyarakat Minangkabau Ke Negeri Sembilan**

Kedatangan masyarakat Minangkabau yang membawa adat perpatih sebagai budaya dan warisan di dalam Negeri Sembilan (Salleh, 2019). Masyarakat Minangkabau telah merantau ke Negeri Sembilan dan mengubah Negeri Sembilan daripada hanya terdiri daripada negeri-negeri kecil kepada satu negeri yang besar (Aminuddin, 2019). Hal ini kerana, masyarakat Minangkabau telah memberi banyak sumbangan bukan sahaja

dalam membentuk negeri dan juga dalam struktur penduduk Negeri Sembilan (Nazhan, 2019). Penghijrahan masyarakat Minangkabau yang mengamalkan konsep merantau juga disinonimkan sebagai satu budaya yang wajib diterapkan alam masyarakat Minangkabau (Nazhan, 2019). Maksud merantau ialah berjalan, berlayar atau mengembara untuk mencari kehidupan yang baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017).

Melalui penulisan buku bertajuk “*Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu*” menyatakan bahawa pada abad ke-12 kedatangan masyarakat Minangkabau melalui Siak tetapi mereka tidak datang secara beramai-ramai atau serentak (Omar, 2008). Hal ini kerana, Ibrahim (2017) telah mengemukakan dua tahap masyarakat Minangkabau yang berhijrah. Ibrahim (2017), menyatakan tahap pertama masyarakat Minangkabau bergerak pada abad ke-12 hingga abad ke-15. Pada tahap pertama dianggap masyarakat Minangkabau berhijrah tetapi bersifat sementara. Ibrahim (2017), juga membuktikan masyarakat Minangkabau sebenarnya mempunyai lima gelombang.

Gelombang pertama merupakan satu rombongan yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau yang diketuai oleh keluarga Dato Raja dengan isterinya iaitu Tuo Sari. Rombongan terawal ini dikatakan telah singgah terlebih dahulu di Siak. Ibrahim (2017), menyatakan kebenaran terhadap pendudukan pertama di Siak tetapi disifatkan sementara. Rombongan pertama ini diteruskan melalui Selat Melaka kemudianya di Johor. Selepas melalui Johor, rombongan pertama memasuki Naning dan Rembau dan penempatan pertama mereka di Londar Naga iaitu Kampung Galau (Ibrahim, 2017).

Seterusnya, gelombang kedua merupakan rombongan kedua dikatakan berlaku perpindahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan (Ibrahim, 2017). Hal ini kerana, perpindahan masyarakat Minangkabau diketuai oleh Datok Bandaro Penghulu Alam yang berasal daripada Sungai Tarab. Perpindahan masyarakat Minangkabau daripada kelompok Luhak Tanah Datar dan penempatan mereka di Kampung Seri Layang (Ibrahim, 2017). Kemunculan gelombang ketiga oleh masyarakat Minangkabau daripada Batusangkar. Rombongan ketiga diketuai oleh keluarga Datuk Makudum Sati asal daripada Sumanik dan dua orang saudara mereka iaitu Sutan Sumatik dan Johan Kebesaran (Ibrahim, 2017). Ibrahim (2017), menyatakan, penghijrahan rombongan ketiga sama seperti dengan rombongan pertama yang singgah di Siak terlebih dahulu dan meneruskan perjalanan mereka melalui Melaka dan Rembau. Pada akhirnya, gelombang ketiga ini mereka membuat penempatan di sebuah perkampungan yang diberi nama Tanjung Alam. Kemudiannya, Tanjung Alam ditukar kepada Gunung Pasir yang merupakan wilayah terawal di Negeri Sembilan (Ibrahim, 2017).

Gelombang keempat merupakan rombongan keempat yang datang daripada Payakumbuh yang dinyatakan oleh Ibrahim (2017). Hal ini kerana, Payakumbuh merupakan tempat asal usul orang Minangkabau. Ibrahim (2017) menyatakan rombongan keempat diketuai oleh Datuk Putih yang melakukan penempatan di perkampungan Sutan Sumatik yang sudah berhijrah pada gelombang ketiga. Datuk Putih merupakan seorang pawang atau bomoh terkenal yang mempunyai ilmu kebatinan. Gelombang kelima merupakan rombongan terakhir yang dinyatakan oleh Ibrahim (2017). Rombongan terakhir datang daripada puak Luhak Limapuluh Kota yang asal daripada orang Batuhampar. Ibrahim (2017) menyatakan rombongan kelima diketuai oleh Datuk Lelo Bolang dan membuka pemukiman di Kampung Tigo Nenek.

Akhir sekali, sekitar tahun 1467 Datuk Lelo Bolong dikatakan masyarakat Minangkabau pertama yang tiba di Negeri Sembilan dan menetap di Rembau.

Berdasarkan gelombang yang dinyatakan terhadap kedatangan masyarakat Minangkabau terdapat percanggahan fakta mengenai tarikh atau tahun sebenar. Hal ini kerana, tiada bukti mahupun fakta yang mampu memberikan tahun atau tarikh sebenar terhadap kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan (Ibrahim, 2017). Antara zaman yang sering dikatakan mengenai kedatangan masyarakat Minangkabau adalah pada era kesultanan Melayu Melaka (Ibrahim, 2017). Penegasan yang dibawa oleh Nelson (2002), menyatakan penghijrahan masyarakat Minangkabau pada abad ke-15 berdasarkan bukti bukti yang dijumpai iaitu sebuah makam di Sungai Udang, Linggi milik Sheikh Ahmad. Hal ini kerana, Nelson (2002), menyatakan makam orang Minangkabau mempunyai bentuk dan tulisan pada batu nisan sama dengan batu bersurat di Batusangkar dan Pagar Ruyong di Sumatera. Nelson (2002), menyatakan bahawa Sheikh Ahmad merupakan perintis kepada penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan melalui Melaka.

Masyarakat Minangkabau telah berhijrah lebih awal sebelum kemunculan era Kesultanan Melayu Melaka (Azmi, 2021). Hal ini kerana, pembukaan Kota Melaka terjadi selepas berlakunya penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai di persisiran Selat Melaka. Lagi mengukuhkan pendapatnya, beliau mengambil keterangan daripada Alfonso De Albuquerque yang mengesahkan bahawa terdapat masyarakat Minangkabau membuat pelabuhan di Melaka. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa masyarakat Minangkabau sudah ada di kawasan persisiran Selat Melaka sebelum kedatangan Portugis pada tahun 1511.

Kesimpulannya, mengenai kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan melalui fakta-fakta dan hujahan yang diberikan oleh pengkaji terdahulu masih lagi dipersoalkan tentang kesahihanya. Oleh itu, ramai pengkaji terdahulu kemukakan kajian mereka dalam memberikan segala bukti dan perincian terhadap pergerakan penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan.

### **2.3 Adat Perpatih Di Negeri Sembilan**

Adat Perpatih merupakan asal daripada masyarakat Minangkabau di Sumatera. Masyarakat Minangkabau mengamalkan adat perpatih dan membawa masuk ke Negeri Sembilan. Yatim, (2017), menyatakan melalui catatan Tambo Alam Minangkabau mengandungi tentang asal-usul Alam Minangkabau purba yang disifatkan sebagai sebuah lagenda terhadap Sejarah Melayu. Yatim (2017), menyatakan catatan tersebut telah merumuskan beberapa perkara mengenai masyarakat Minangkabau iaitu sistem kemasyarakatan purba orang Minang yang berpunca daripada Maharaja Zulkarnain yang telah melahirkan Sri Maharajo Di Rajo merupakan raja pertama Minangkabau.

Yatim (2017), juga menyatakan, menerusi kebijaksanaan daripada Citi Sibilang Pandai merupakan anak Sri Maharajo Si Rajo antara orang bijaksana dalam Dunia Minangkabau. Hal ini kerana, lahirlah Datuek Parpatieh Nan Sebatang yang mewujudkan sistem matrilineal melalui keutuhan Ibu Kanduang (ibu kandung). Ianya merupakan satu simbol kesetian terhadap kaum ibu. Sistem kemasyarakatan purba yang masih diberi sebutan hingga kini ialah Patuo Datuak Parpatiah Nan Sebatang yang diwakili dua kumpulan besar iaitu Bodi-Caniago dan Koto-Piliang (Yatim, 2017).

Adat merupakan sesuatu peraturan yang diamalkan secara turun-temurun oleh nenek moyang terdahulu (H.Md.Dom, 1977). Adat sangat berkait rapat dengan tingkah laku sosial yang diterapkan dalam peraturan adab. Hal ini kerana, adat dianggap sebagai panduan gaya hidup yang boleh membezakan antara betul atau salah (Ridhwan, 2005). Ini menunjukkan adat sebagai asas pembangunan sesebuah masyarakat yang menerapkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan.

Konsep adat di dalam konteks masyarakat Melayu Negeri Sembilan dianggap sebagai lambang kebudayaan Melayu. Kebudayaan asalnya di ambil daripada perkataan budaya yang bermaksud peradaban atau tamadun (Salleh, 2019). Definisi kebudayaan dimaksudkan sebagai cara kehidupan yang dilaksanakan mengikut tindakan dan akal fikiran serta penciptaan peraturan kehidupan untuk keharmonian sesebuah masyarakat (H.Md.Dom, 1977). Selain itu, konsep kebudayaan yang dianggap sebagai kelakuan yang biasa dipraktikkan melalui pembelajaran yang disampaikan oleh sesebuah masyarakat (Kistanto, 2017). Namun begitu, kebudayaan juga dinyatakan dalam erti yang mudah ialah mampu menghimpunkan tingkah laku manusia daripada akal fikiran dan ikhtiar (Deraman, 2000).

## 2.4 Hari Mantai

Hari Mantai merupakan antara adat dan tradisi yang masih diamalkan di bawah Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Perkataan Mantai berasal daripada perkataan membantai (Syed, 2009) iaitu menyembelih binatang seperti kerbau dan lembu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Masyarakat di Negeri Sembilan mengamalkan tradisi Hari Mantai mengikut daerah masing-masing seperti Tampin, Jelebu, Jempol, Rembau dan Seremban. Tradisi ini sangat popular di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan

namun tradisi ini agak asing atau janggal bagi orang luar yang bukan asal daripada Negeri Sembilan (Tarmizi, 2021).

Dalam amalan hidup Adat Perpatih menggalakkan hidup bergotong-royong, tolong-menolong seperti *aur dengan tebing* dan *sandar-menyandar* (Yatim, 2017). Ungkapan peribahasa oleh Yatim (2017) menunjukkan Adat Perpatih menitikberatkan tentang aktiviti kebersamaan di dalam sesebuah masyarakat. Sebenarnya, Adat Perpatih lebih kepada memartabatkan tatacara kehidupan kerana di dalam sistem pemakaianya mempunyai amalan dan keadilan sejagat yang sudah sedia ada (Selat, 2007).

#### 2.4.1 Fungsi Hari Mantai

Secara umumnya hari Mantai merupakan hari atau malam penyediaan daging sembelihan yang dilakukan secara beramai-ramai oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Tujuan hari Mantai dilakukan adalah untuk menyambut ketibaan bulan Ramadhan, Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Adiladha (Kamarudin, 2020). Lazimnya, fungsi Hari Mantai dilaksanakan oleh masyarakat melayu Negeri Sembilan untuk mengeratkan silaturahim antara satu sama lain selain meluangkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga dan sanak saudara. Masyarakat Negeri Sembilan akan meluangkan masa dan berkumpul bersama dalam melaksanakan aktiviti menyambut kehadiran bulan Ramadhan, perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Adiladha (Syed, 2009).

Selain itu, hari Mantai berfungsi dalam mewujudkan nilai kebersamaan (Kamarudin, 2020). Hal ini kerana, kebersamaan merupakan elemen yang sangat penting dalam tradisi hari Mantai. Melalui hari Mantai aktiviti berkumpul dan memasak bersama-sama ahli keluarga juga akan mewujudkan rasa gembira kerana dapat beramah

mesra antara satu sama lain (Ruzki, 2017). Nilai kebersamaan tidak akan wujud tanpa didikan awal dan setiap individu memainkan peranan untuk menerapkan elemen dalam diri anak-anak supaya mereka lebih menghayati (Kamarudin, 2019).

#### 2.4.2 Peranan Hari Mantai

Selain itu, Hari Mantai mempunyai nilai kebersamaan iaitu membawa maksud melakukan aktiviti bersama-sama dalam kelompok masyarakat yang majmuk (Jalil, 2021). Nilai merangkumi satu set idea atau prinsip yang membantu individu membezakan perkara baik dan buruk. Nilai dibentuk berdasarkan pengalaman dan akal manusia (Ruzki, 2017). Nilai dilihat sebagai suatu konsep kompleks dan berfungsi sebagai kayu ukur yang merangsang serta menghadkan perlakuan seseorang.

Definisi kolektif ialah nilai-nilai kelompok seperti amalan tradisi, kepatuhan dan murah hati (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Budaya kolektif menekankan kepada cara menyesuaikan diri dengan kehendak kelompok dan lebih mementingkan matlamat kebijakan dalam organisasi berbanding pencapaian individu (Ismail, 2014). Budaya kolektif ini amat mementingkan keaslian dan kepatuhan tradisi serta menentang pembaharuan yang berlaku. Oleh yang demikian, pengertian bagi nilai kolektif adalah merangkumi kebaikan yang terdapat dalam amalan tradisi, kepatuhan dan murah hati dalam sesuatu tradisi seperti Hari Mantai.

Nilai kemasyarakatan juga diterapkan di dalam hari Mantai. Hal ini kerana, masyarakat merupakan sebuah kelompok yang berinteraksi dalam kawasan yang telah ditentukan. Kemasyarakatan juga dimaksudkan sebagai perkara-perkara yang berkaitan masyarakat. Kemasyarakatan juga didefinisikan keadaan sesebuah masyarakat yang dikaitkan dengan masyarakat lain (Kamus Dewan Bahasadan Pustaka, 2017). Manakala kepatuhan yang ada pada hari Mantai adalah patuh terhadap tradisi hari Mantai yang

telah diwariskan secara turun-temurun. Kepatuhan disinonimkan dengan taat, setia dan sifat patuh lebih kepada ketaatan terhadap sesuatu perkara (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Bagi memastikan aktiviti kemasyarakatan yang di amalkan di dalam hari Mantai kekal aktif masyarakat haruslah ada kesedaran agar setiap aktiviti yang dilakukan sentiasa berjalan dengan lancar (Rahmat, 2021).

Oleh itu, suasana hari Mantai dipenuhi dengan kemeriahan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu dengan aktiviti kerja gotong-royong seperti memasak lemang, rendang, kuah kacang dan ketupat sambil kaum lelaki sibuk melapah daging korban yang telah disembelih (Omar, 2021). Orang luar atau masyarakat melayu Negeri Sembilan yang lain akan datang ke kawasan Mantai untuk mendapatkan daging dan tulang yang segar dengan harga yang murah untuk dijadikan juadah masakan (Othman, 2020).

## **2.5 Teori Persepsi Dalam Hari Mantai**

Teori persepsi merupakan teori yang sesuai digunakan untuk mengkaji peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan iaitu teori persepsi. Menurut Philip Kolter (1993), persepsi merupakan proses bagaimana seseorang memilih dan mentafsirkan input maklumat untuk membuat gambaran keseluruhan yang bermakna. Pendapat ini juga disokong oleh Samaon (2020) yang menyatakan bahawa persepsi adalah satu proses menginterpretasikan atau mentafsir informasi yang diperoleh melalui pancaindera manusia. Oleh itu, berdasarkan pendapat-pendapat teori ini secara tidak langsung mengambarkan suatu proses yang bermula dari penglihatan sehingga terbentuknya andaian dari seseorang individu.

Selain itu, persepsi juga merupakan proses penafsiran daripada pancaindera yang diterima oleh individu agar sesuatu itu sahih (Subramanian, 2015). Pancaindera yang berbentuk permerhatian terhadap individu membantu untuk mendapat responden terhadap kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, perasaan keupayaan untuk berfikir dan pengamalan yang dimiliki oleh setiap individu adalah berbeza maka keputusan persepsi setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain.

Seterusnya, proses persepsi seseorang akan dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang akan menentukan dan mempengaruhi persepsi seseorang terhadap sesuatu. Menurut Kasali (2006), persepsi seseorang ditentukan oleh beberapa faktor seperti berikut:

i) Latar belakang budaya

Faktor latar belakang budaya ialah bagaimana seseorang mentafsirkan mesej, objek atau persekitaran bergantung pada sistem nilai yang diberikan. Melalui konteks ini, budaya sebenarnya dianggap sebagai pola persepsi dan tingkah laku yang diterima pakai oleh sekumpulan kelompok. Oleh itu, budaya yang dimaksudkan pada faktor-faktor yang menentukan persepsi seseorang adalah ras, etnik, sosio ekonomi, kepercayaan, adat istiadat, sikap, organisasi sosial dan pengetahuan.

ii) Pengalaman masa lalu

Faktor pengalaman masa lalu merupakan kejadian atau peristiwa yang telah terjadi pada diri seseorang atau pada orang lain yang boleh memberikan pengaruh tertentu terhadap orang yang mengalami kejadian tersebut. Setiap khalayak umumnya pernah memiliki suatu pengalaman tertentu yang berkaitan dengan objek yang sedang dibincangkan. Semakin intensif hubungan antara objek dan penonton, maka semakin banyak

pengalaman yang diperoleh penonton. Selagi penonton berada dalam hubungan bersama objek tersebut. Pengalaman masa lalu boleh juga dikaitkan dengan informasi lain seperti berita dan kejadian yang melanda objek.

iii) Nilai-nilai yang dianuti

Faktor nilai adalah penilaian dari sudut kepercayaan yang merangkumi kebaikan, estetika dan kepuasan. Nilai bersifat normatif yang memberikan suatu anggota budaya mengenai apa yang baik dan buruk, benar dan salah, apa yang harus diperjuangkan dan sebagainya. Nilai-nilai dibentuk manusia agar dapat memenuhi keinginan atau tujuannya.

iv) Berita-berita yang berkembang

Persepsi seseorang tidak akan terlepas dari pesanan yang diterima melalui persekitaran seseorang. Berita-berita yang dikembang merupakan berita melalui media massa atau informasi dari orang lain yang dapat mempengaruhi persepsi seseorang. Jika berita-berita yang dikembangkan bersifat positif, maka persepsi yang terbentuk akan menjadi positif namun, jika berita-berita yang berkembang bersifat negatif tentu hasil dari persepsi yang terbentuk berkemungkinan besar menjadi negatif.

Oleh itu, kajian ini meneliti tentang peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan menerusi faktor dan ciri-ciri yang mempengaruhi persepsi responden seperti yang dinyatakan oleh Kasali (2006). Terdapat empat faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat iaitu faktor latar belakang budaya, pengalaman masa lalu, nilai-nilai yang dianuti dan berita-berita yang dikembangkan. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi persepsi atau pendapat responden dalam menjawab temubual dan pemerhatian yang akan dijalankan. Oleh itu, empat

faktor ini mempengaruhi responden dalam menilai sejauh mana penerimaan responden terhadap peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

## **2.6 Penutup**

Kesimpulannya, kajian literatur yang dijalankan merupakan hasil penelitian dan pengkajian keseluruhan buku-buku, penulisan ilmiah, akhbar dan jurnal yang dikaji dan ditulis oleh pengkaji terdahulu mengenai tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Umumnya, hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu membincangkan secara ringkas tentang Negeri Sembilan. Melalui kajian literatur lepas pengkaji Adat Perpatih yang mempunyai amalan utama di negeri Sembilan. Namun begitu, berdasarkan tinjauan kajian lepas ini, membantu pengkaji untuk memfokuskan kepada tajuk kajian yang dikaji iaitu peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Bagi penelitian lebih mendalam pengkaji menyatakan tentang fungsi dan peranan Hari mantai. Penggunaan teori persepsi yang dibawakan oleh Kasali (2006) merupakan teori yang sangat bersesuai dengan tajuk kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori persepsi dalam mengkaji peranan hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan bahawa metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan. Metodologi kajian ini merangkumi kaedah, cara dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian ini adalah kaedah untuk mengumpul dan menganalisis bukti yang menyokong kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Metodologi kajian juga dijadikan sebuah kajian yang berbentuk sistematik dan teratur bagi mencapai objektif yang telah difokuskan oleh pengkaji. Perbincangan di dalam bab ini telah merangkumi kaedah penyelidikan, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, reka bentuk kajian dan instrumen kajian.

#### 3.1 Kaedah Penyelidikan : Kaedah Campuran


Penyelidikan merupakan suatu kaedah yang saintifik berdasarkan formula-formula tertentu yang digunakan oleh para penyelidik secara teratur dan disiplin (Jasmi, 2012). Penyelidikan ini menggunakan kaedah campuran atau *mixed metod* iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Kaedah campuran ini boleh menjadikan sebuah kajian yang bersistematis kerana telah melibatkan data kualitatif dan data kuantitatif (Morhaini, 2018).

Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran ini bertujuan untuk mendapatkan perbandingan data yang diperoleh daripada kualitatif dan kuantitatif terutamanya dalam memahami hasil dapatan yang berlawanan.

### 3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengkaji mengenai peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan. Pendekatan kualitatif merupakan gambaran yang dikenalpasti melalui proses penyelidikan yang dapat menguatkan dapatan kajian dengan lebih terperinci (Moleong, 2018). Pendekatan kualitatif didefinisikan sebagai kaedah mencari dan memberi keterangan yang melibatkan beberapa kajian seperti etnografi, sejarah, kajian kes, teori dasar dan fenomenologi (Jasmi, 2012).

Seterusnya, pendekatan kualitatif merupakan kaedah secara terfokus yang mempunyai kepelbagaian kaedah, termasuk penggunaan pendekatan semulajadi untuk menyelidikan terhadap sesuatu kajian (Melelong, 2018). Dalam pendekatan kualitatif persoalan-persoalan seperti mengapa, apa, dan bagaimana menunjukkan berlaku proses pendekatan kualitatif yang bermula dengan mengemukakan persoalan kajian. Secara umumnya, pengkaji akan meneruskan dengan pemilihan subjek dan topik yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Oleh itu, kaedah pendekatan kualitatif dalam kajian ini dijalankan menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat yang lengkap.



Rajah 3.1: Metodologi Pendekatan Kaedah Kualitatif

Berdasarkan pada rajah 3.1 berikut kaedah pendekatan kualitatif telah dijalankan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif ke atas peranan Hari Mantai terhadap masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Pengkaji mengambil data dan maklumat dengan menggunakan dua kaedah iaitu data primer dan data sekunder. Oleh itu, di dalam kajian penyelidikan telah dilakukan oleh pengkaji menggunakan temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan untuk mencari data dan maklumat lebih terperinci.

### 3.1.2 Pendekatan Kuantitatif

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam mengkaji peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Pendekatan kuantitatif merupakan suatu persoalan terhadap masalah yang dikenalpasti berdasarkan kaedah kajian ke atas suatu teori yang ditukar oleh pembolehubah, diukur melalui nombor dan diselidik menggunakan teknik statistic (Rozman, 2018). Pendekatan kuantitatif merupakan satu kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi (Hua, 2016). Hal ini kerana, pendekatan kuantitatif merupakan satu

objektif yang telah menekankan melalui penyelidikan dan pengumpulan analisis data yang terkawal (Jasmi, 2012). Oleh itu, pendekatan kuantitatif telah melibatkan pengukuran pembolehubah dalam kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen dalam melengkapkan objektif.

Secara umumnya, pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian yang telah dijalankan adalah kaedah soal selidik. Kaedah soal selidik ini menggunakan pengagihan borong soal selidik yang menghasilkan dapatan kajian yang sah dan benar. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini merupakan soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana responden hanya dikehendaki untuk memilih satu daripada lima jawapan yang diberikan. Soal selidik ini dijalankan untuk memperoleh data-data bagi menganalisis dan dijadikan maklumat bagi mencapai objektif kajian.

Oleh itu, pendekatan kuantitatif digunakan untuk menganalisis data terhadap kajian yang dikaji dalam aspek analisis penginterpretasian terhadap data-data yang diperoleh. Data-data ini dipaparkan dalam bentuk deskriptif statistik yang ditukar kepada bentuk peratusan. Deskriptif statistik merupakan data yang dikumpul, diproses dan disusun dalam bentuk yang mudah dibaca dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti jadual, carta dan graf.

### **3.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data melibatkan dimanakah dan bagaimanakah data yang hendak dikumpul, mudah untuk diakses, mengumpul data yang penting, merekod data dan menyimpan data (Creswell, 2015). Data sebagai bukti ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta dan ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dijadikan sumber utama rujukan

(Jasmi, 2012). Oleh itu, data ini boleh dipecahkan kepada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder.

### 3.2.1 Data Primer

Data primer didefinisikan sebagai data yang asalnya daripada sumber asli atau pertama (Yusuf, 2015). Data primer juga boleh diperoleh melalui pendapat secara individu atau berkelompok (Yusof, 2015). Selain itu, data primer merupakan sumber data penelitian yang diperoleh secara langsung melalui sumber asli seperti pendapat daripada individu atau kelompok masyarakat (Maulidi, 2016). Data primer juga merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail mahupun laporan kerana data ini perlu dikumpulkan melalui individu, kelompok masyarakat, kumpulan berfokus atau melalui panel pakar (Hua, 2016). Pengkaji menggunakan data primer ini kerana data yang diperolehi memperlukan kebenaran berdasarkan dengan apa yang dilihat dan didengar. Oleh itu, data primer yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan ialah temu bual, pemerhatian dan borang soal selidik.

#### i) Temu Bual

Kajian yang akan dijalankan menggunakan kaedah temu bual ianya merupakan antara kaedah yang banyak memberikan kelebihan kepada pengkaji (Robson, 2011). Kaedah temu bual memberikan kelebihan untuk mendapatkan maklumat terus daripada informan dan dijamin kesahihannya (Nurdin, 2019). Informan juga bebas menggunakan caranya tersendiri dalam menyampai maklumat dan kemukakan pandangannya. Oleh itu, secara umumnya, responden yang diambil untuk mendapatkan maklumat tentang

peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan terdiri daripada 10 orang informan.

Selain itu, di dalam temu bual pengkaji menggunakan rakaman audio ketika menjalankan sesi menemubual bersama responden. Rakaman audio merupakan media yang menyampaikan pesanan yang akan disampaikan dalam bentuk auditif sama ada dalam bentuk verbal atau non verbal (Sadiman, 2005). Secara umumnya, rakaman audio ini adalah satu bentuk yang dijadikan perantara untuk menyimpan segala maklumat yang disampaikan oleh responden kepada pengkaji bagi mencatat maklumat yang tepat. Sebagai contoh, rakaman audio yang direkodkan menggunakan telefon pintar atau mp3. Malah, rakaman audio ini sebagai bukti terhadap segala perbualan diantara pengkaji dan individu yang ditemubual. Rakaman yang telah dilakukan ini membolehkan pengkaji mendengar semula perbualan dan menulis ke dalam transkrip sebagai rujukan nanti.

Di samping itu, nota lapangan adalah satu alat yang diguna pakai oleh pengkaji dalam menjalankan kajian penyelidikan. Hal ini kerana, segala maklumat apabila di temu bual akan dicatat menerusi buku catatan tersebut. Oleh itu, buku catatan adalah satu perkara yang boleh memudahkan pengkaji mencatat untuk dapat maklumat yang tepat dan sahih menerusi responden yang di temu bual.

## ii) Pemerhatian

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian sebagai alternatif dalam mengumpul data dan maklumat terhadap kajian yang dijalankan. Kaedah pemerhatian dianggap sebagai satu kaedah yang dijalankan terhadap sebuah penyelidikan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan (Kerlinger, 1973). Melalui pemerhatian yang akan dijalankan pengkaji dapat menganalisis tingkah laku subjek berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang telah difokuskan. Pengkaji berperanan sebagai

pemerhati untuk melihat perubahan-perubahan subjek melalui tingkah laku dan mendengar dari jauh atau dekat. Selain itu, penggunaan kaedah pemerhatian untuk memerhati sampel-sampel dalam tempoh masa yang tertentu (Flanders, 1974).

### iii) Soal Selidik

Soal selidik merupakan kaedah yang penting bagi seseorang pengkaji untuk mendapat data-data yang berkualiti dan bermutu kerana soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya (Syed Arabi, 1993). Oleh itu, bagi mendapat maklumat tentang kajian mengenai peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Pada bahagian A soal selidik ini tertumpu kepada soalan demografi responden iaitu mengenai latar belakang responden. Sebanyak lima item dikemukakan dalam bahagian ini iaitu jantina, umur, bangsa, negeri kelahiran, negeri bermastautin dan pendidikan. Bahagian B pula berkaitan tentang pengetahuan tentang Hari Mantai yang mengandungi tujuh pernyataan dan menerima maklumat tentang Hari Mantai mengandungi lapan pernyataan. Manakala, bahagian C pula mengenai peranan individu terhadap Hari Mantai yang mengandungi lima pernyataan, peranan masyarakat terhadap Hari Mantai mempunyai tiga pernyataan, peranan kerajaan Negeri terhadap Hari Mantai mempunyai empat pernyataan dan peranan institusi pendidikan terhadap Hari Mantai mempunyai lima pernyataan. Bagi bahagian B dan C ini akan berpandukan kepada lima skala. Setiap pernyataan dijawab dengan menandakan satu hingga lima skala tersebut iaitu:

1 Sangat Tidak Setuju

2 Tidak Setuju

3 Tidak Pasti

4 Setuju

5 Sangat Setuju

### 3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan maklumat yang didapati daripada data-data yang sudah ada iaitu media massa dan media elektronik seperti majalah dan risalah (Uma Sekaran, 2011). Data sekunder juga boleh dirujuk melalui data yang telah dikumpul oleh pengkaji terdahulu (Marican, 2005). Sebagai contoh, kajian-kajian lepas yang masih relevan dikumpul dan boleh digunakan bagi menjawab persoalan kajian malah boleh diperkembangkan menjadi maklumat tambahan sebagai rujukan terhadap kajian yang dijalankan (Hua, 2016). Dalam kajian tentang peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, pengkaji menggunakan data sekunder seperti majalah, kertas kerja, buku rujukan, jurnal, tesis, akhbar, penyelidikan perpustakaan dan laman sesawang rasmi jabatan kerajaan yang berkaitan dengan peranan Hari Mantai.

#### i) Jurnal

Sebahagian maklumat daripada jurnal telah dijumpai oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai salah satu rujukan berguna untuk melengkapkan maklumat dalam kajian ini. Sumber rujukan ini penting sebagai rujukan dan penanda aras bagi pengkaji untuk mencapai matlamat kajian. Jurnal yang digunakan kesemuanya diambil dalam laman sesawang rasmi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan laman yang mempunyai sumber sahih. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa buah jurnal yang

akan digunakan sebagai pelengkap dalam kajian yang terdapat dalam laman web Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

## ii) Tesis

Pengkaji turut menggunakan tesis bagi menyokong fakta berkaitan peranan Hari Mantai, masyarakat melayu Negeri Sembilan, Adat Perpatih dan kebudayaan bagi mendapatkan data yang lebih berfokus ke arah permasalahan kajian. Pengkaji akan mengakses tesis melalui laman web rasmi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan juga laman web lain yang telah dipastikan kesahihan faktanya melalui sumber rujukan yang dinyatakan oleh pengkaji tersebut. Kebanyakan tesis yang diperolehi dalam bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris pengkaji perlu menghayatinya dan memahami untuk menerapkan fahaman yang dibawanya ke dalam kajian ini. Terdapat juga beberapa tesis bahasa melayu yang relevan dan mudah difahami untuk digunakan dan membantu melengkapkan beberapa pernyataan dalam kajian ini.

## ii) Sumber Internet

Internet merupakan sumber paling utama dalam kaedah pengumpulan data kerana pengkaji telah sepenuhnya menggunakan sumber internet untuk mencari pelbagai maklumat yang agak sukar untuk diperolehi secara fizikal dalam kajian berkaitan peranan Hari Mantai. Maklumat dan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan tentang peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan dapat diakses terus melalui carian Google seperti Google Scholar, Academia, Scribd dan sebagainya. Kesemua maklumat yang didapati mempunyai sumber rujukan yang lengkap dan sahih dari pengkjinya. Penggunaan sumber internet untuk mengumpul

data ini lebih memudahkan pengkaji untuk membuat tinjauan awal berkaitan topik yang ingin dikaji.

### iii) Surat Khabar Atas Talian

Pengkaji turut memperolehi maklumat melalui surat khabar atas talian dengan carian melalui Google. Halaman-halaman sosial tersebut dijadikan sebagai asas kepada kesahihan dan ketulenan maklumat berkaitan kajian dalam skop yang lebih luas. Antara laman surat khabar atas talian yang menjadi pilihan pengkaji ialah Berita Harian, Metro dan Utusan yang mengandungi pelbagai maklumat berkualiti, bermanfaat dan membantu pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang baik. Segala maklumat ini akan diakses menggunakan telefon pintar dan komputer riba sebelum dan selepas pengkaji menggunakan kaedah data primer.

### 3.3 Pensampelan Kajian

Persampelan merupakan aspek penting dalam kajian kerana ia menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil kajian. Sampel dalam kajian ini akan ditentukan selepas melihat sejauh mana data yang diperolehi dapat menjawab persoalan dan objektif kajian. Pengkaji akan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan kaedah pensampelan bebola salji.

Kaedah pensempelan bertujuan ialah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan penyelidikan pengkaji. Berdasarkan kajian penyelidikan yang dijalankan pengkaji memfokuskan dalam mengenalpasti amalan yang berlaku pada hari Mantai di Negeri Sembilan. Maka secara tidak langsung tujuan kajian dijalankan dapat juga

memfokuskan terhadap peranan hari Mantai mengikut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan melalui respon terpilih. Oleh itu, kaedah pensampelan juga memberikan pengkaji mendapatkan maklumat terhadap objektif yang difokuskan.

Manakala, kaedah pensamplean bebola salji ialah teknik persampelan bukan kebarangkalian yang digunakan untuk mengenalpasti subjek yang berpotensi dalam kajian. Dalam kajian ini, *gatekeeper* dipilih merupakan anak kepada seorang anak jati Negeri Sembilan yang tinggal di Kampung Pantai, Seremban. Kampung Pantai merupakan sebuah perkampungan pinggir bandar yang menempatkan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Pengkaji memilih Kampung Pantai kerana masyarakat Melayu disini masih mengamalkan tradisi hari Mantai sebelum ketibaan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Kampung ini juga sangat sinonim dengan amalan tradisi ini disebabkan majoriti penduduknya merupakan masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih. Pengkaji juga menggunakan kaedah persampelan bebola salji bagi mengenalpati responden yang dikenalpasti dan dipercayai kesahan maklumatnya. Persampelan bebola salji adalah kaedah persampelan dimana *gatekeeper* akan mengenalpasti responden yang seterusnya bagi membantu pengkaji mendapatkan data yang tepat dan sahih (Supaad, 2020). Ianya dikenali sebagai bebola salji kerana secara teorinya ia seumpama bola salji (subjek) yang bergolek dan akan membesar sepanjang ia bergerak kerana mengumpul lebih banyak salji (data) (Bil et al., 2018).

Persampelan bebola salji dipecahkan kepada dua langkah iaitu mengenalpasti subjek yang berpotensi dalam populasi dan dikenali sebagai *gatekeeper* pada permulaan. Kedua, pengkaji akan meminta *gatekeeper* tersebut untuk mengenalpasti subjek yang lain. Kaedah ini akan menggunakan panggilan suara dan video melalui

telefon pintar. Segala maklumat akan direkod dan dicatat semula bagi memastikan maklumat informan yang dicadangkan oleh *gatekeeper* lengkap.

Jadual 3.1: Senarai Informan Kajian

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

BIL.	KOD	PERANAN	UMUR
1.	Responden 1	Penduduk Kampung Pantai	47
2.	Responden 2	Penduduk Kampung Pantai	56
3.	Responden 3	Penduduk Kampung Pantai	44
4.	Responden 4	Wakil Dun Lenggeng	50
5.	Responden 5	Penjual Daging Mantai	38
6.	Responden 6	Penduduk Kampung Pantai	51
7.	Responden 7	Penduduk Kampung Pantai	50
8.	Responden 8	Wakil Dun Lenggeng	58
9.	Responden 9	Penduduk Kampung Pantai	24
10.	Responden 10	Penduduk Kampung Pantai	24


Jadual 3.1 menunjukkan hasil temu bual pengkaji bertemu seramai 10 responen. Temu bual ini dijalankan di Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan dan terdiri daripada tujuh orang penduduk kampung, dua orang wakil dun Lenggeng dan seorang penjual daging Mantai.

### 3.4 Analisis Data

Di dalam analisis data pengkaji menggunakan dua analisis iaitu, analisis tematik dan analisis deskriptif. Untuk menganalisis data, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik yang merupakan kaedah menganalisis data yang bertujuan untuk mendapat identiti pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh peneliti (Rozman, 2018). Analisis tematik merupakan kaedah yang

sangat efektif apabila sebuah penelitian terperinci yang dilakukan oleh pengkaji terhadap maklumat kualitatif dan mengesan struktur pola-pola dalam sebuah fenomena (Jasmi, 2012). Malah, untuk menjelaskan sejauh mana sebuah fenomena terjadi melalui pemerhatian pengkaji. Selain itu, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis data dan menghuraikan hasil data yang telah dikumpul. Analisis ini selalunya digunakan untuk kajian tentang eksplorasi sample terhadap kajian yang dijalankan (Rozman, 2018). Kajian yang menggunakan analisis deskriptif adalah jenis data yang mempunyai kaitan dengan mean, medium dan mode (Morhaini, 2011).

### 3.4.1 Analisis Tematik



Rajah 3.1: Proses Analisis Data

Rajah 3.1 menunjukkan proses yang perlu dilalui untuk menganalisis data. Pengkaji memulakan proses transkripsi sebagai pengalihan struktur daripada rakaman audio yang diambil oleh pengkaji ketika membuat temu ramah dan dimasukkan ke dalam bentuk penulisan.

### i) Transkripsi

Pengkaji akan menyusun dan menulis segala maklumat daripada rakaman audio yang dimainkan semula supaya lebih tersusun dan mudah difahami. Penggunaan rakaman audio melalui telefon pintar dalam kaedah yang paling berkesan untuk merakam setiap percakapan yang disampaikan oleh responden. Kesemua maklumat yang diucapkan oleh responden akan disimpan untuk digunakan pada hasil kajian kelak. Rakaman audio sangat diperlukan dalam kajian yang akan dijalankan agar segala maklumat yang dirakam tidak berlaku keciciran maklumat yang dikumpul oleh pengkaji.

### ii) Pengekodkan

Pengkaji membuat pembacaan semula serta pengekodkan berdasarkan sumber-sumber pengumpulan maklumat tersebut. Pengkaji juga memastikan tahap kerelevan dan kesinambungan dalam kajian tentang peranan hari mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Pengekodkan merupakan proses yang sangat penting untuk memastikan tiada kesalahan dan kejelasan setiap pernyataan maklumat.

### iii) Penentuan Tema

Penentuan tema perlu diteliti dalam memfokuskan maklumat-maklumat penting dan utama terhadap kajian yang dilakukan. Oleh itu, melalui proses ini pengkaji dapat memahami terhadap penentuan tema dan isi-isi penting yang dijadikan sebagai panduan untuk mencapai matlamat kajian.

#### iv) Laporan

Pengkaji telah menghasilkan laporan penyelidikan berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Setelah tema dikenali di dalam kajian ini, pengkaji dapat hasilkan laporan penyelidikan. Laporan yang dihasilkan perlulah secara menyeluruh dan tidak tertakluk kepada huraian data dalam membuat perbahasan. (Braun & Clarke, 2006). Selepas itu, pengkaji telah menghasilkan laporan penyelidikan yang lengkap berdasarkan penyusunan data dan pengenalpastian tema.

#### v) Triangulasi

Pengkaji melakukan proses triangulasi merupakan gabungan sumber data, tenaga pengkaji, teori yang digunakan dan teknik-teknik metodologi kajian yang digunakan sepanjang proses kajian ini dilakukan. Kesemua perkara tersebut sangat berkait rapat dalam memastikan kesesuaian terhadap kajian yang dilakukan. Segala data yang dihasilkan daripada sesi temu ramah, soal selidik serta maklumat yang diperolehi daripada sumber sekunder yang terdiri daripada sumber internet, surat khabar online dan jurnal akan digabungkan menjadi sebuah maklumat yang lengkap.

#### 3.4.2 Analisis Deskriptif

Dengan menggunakan analisis deskriptif pengkaji telah memperoleh peratusan berdasarkan kekerapan yang telah dipilih oleh responden dalam soal selidik. Bentuk soal selidik ini merupakan soal selidik tertutup dan soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C bagi memudahkan responden untuk memahami kajian yang dilakukan ini. Pada bahagian A soal selidik ini

tertumpu kepada soalan demografi iaitu mengenai latar belakang responden. Bahagian B pula berkaitan tentang pengetahuan dan menerima maklumat tentang Hari Mantai. Manakala, bahagian C mengenai peranan individu, masyarakat, kerajaan Negeri dan institusi pendidikan mengenai menjaga dan memelihara Hari Mantai.

Jadual 3.2: Pembahagian Soalan Soal Selidik

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C
<p>Demografi responden:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jantina</li> <li>• Umur</li> <li>• Bangsa</li> <li>• Negeri kelahiran</li> <li>• Negeri bermastautin Pendidikan</li> </ul>	<p>1. Pengetahuan tentang Hari Mantai.</p> <p>2. Menerima maklumat tentang Hari Mantai.</p>	<p>1. Peranan individu terhadap Hari Mantai.</p> <p>2. Peranan masyarakat terhadap Hari Mantai.</p> <p>3. Peranan Kerajaan Negeri terhadap Hari Mantai.</p> <p>4. Peranan Institusi Pendidikan terhadap Hari Mantai.</p>

Jadual 3.2 merupakan pembahagian soalan soal selidik yang telah pengkaji edarkan di kawasan penduduk Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan.

Setiap maklumat yang dikumpul dan yang dihasilkan tersebut akan mempengaruhi keputusan akhir kajian yang dijalankan. Keputusan akhir akan menjawab objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Oleh itu, keputusan di akhir kajian yang mencapai sasaran merupakan satu matlamat utama bagi setiap pengkaji kerana ianya menunjukkan perincian yang diberikan oleh pengkaji adalah tidak sia-sia dan wujudnya perasaan puas terhadap hasil penulisan sendiri. Analisis data adalah

rangka penghasilan kajian yang diperlukan supaya setiap langkah dilakukan dengan teratur dan tersusun mengikut teknik yang betul untuk mengelakkan kesilapan-kesilapan yang menyebabkan gangguan di sepanjang proses kajian dilakukan.

### **3.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam kajian yang akan dijalankan. Ini kerana, pengkaji mengaplikasikan metodologi yang dapat memberi maklumat yang tepat dan secara terperinci terhadap kajian yang dijalankan. Oleh itu, bab ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini, menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, temu bual malah kepustakaan. Manakala, kaedah pengumpulan data pula diperolehi daripada data primer dan data sekunder malahan pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan dan pensampalan bebola salji untuk mengukuhkan lagi maklumat kajian. Dalam menganalisis data pula pengkaji menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian tentang peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Hasil kajian ini membincangkan tentang mengenalpasti amalan yang berlaku pada Hari Mantai di Negeri Sembilan, mengkaji peranan Hari Mantai menurut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan serta menganalisis mekanisme yang relevan dalam mengekalkan dan melestarikan Hari Mantai.

Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini berdasarkan hasil temu bual dan edaran borang soal selidik. Temu bual yang dijalankan kepada 10 orang informan yang terdiri penduduk Kampung Pantai, Penjual daging Mantai, Paroi dan Ketua Dun Lenggeng. Data yang diperoleh melalui temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip. Edaran borang soal selidik pula diedarkan kepada masyarakat setempat. Seramai 97 orang responden dipilih secara rawak di Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan.

Borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden iaitu latar belakang, bahagian B pula mengenai pengetahuan dan menerima maklumat tentang Hari Mantai dan bahagian C mengenai peranan individu, masyarakat, negara dan institusi pendidikan. Data-data ini juga dianalisis menggunakan teori persepsi dengan

mengambil pendekatan daripada Kasali (2006) yang boleh dikategorikan kepada empat faktor iaitu faktor latar belakang budaya, pengalaman masa lalu, nilai-nilai yang dianut dan berita-berita yang berkembang.

#### **4.1 Demografi Responden Dan Kajian Soal Selidik**

##### **4.1.1 Demografi Responden**

Demografi responden merupakan kaedah kuantitatif daripada borang soal selidik. Di dalam borang soal selidik pengkaji mengkaji latar belakang responden. Latar belakang responden ini merujuk kepada enam kategori maklumat diri iaitu, jantina, umur, bangsa, negeri kelahiran, negeri bermastautin dan pendidikan kajian ini melibatkan seramai 97 responden.

Jadual 4.1: Kategori Jantina

<b>Kategori</b>		<b>(N)</b>	<b>(%)</b>
Jantina	Lelaki	20	20.6
	Perempuan	77	79.4
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.1 merupakan kategori jantina. Pengkaji mendapati seramai 97 orang telah menjawab borang soal selidik. Responden terdiri daripada 20 orang lelaki (20.6%) dan 77 orang perempuan (79.4).

Jadual 4.2: Kategori Umur

	<b>Kategori</b>	(N)	(%)
Umur	20 – 29 tahun	73	75.3
	30 – 39 tahun	11	11.3
	40 – 49 tahun	5	5.2
	50 – 59 tahun	4	4.1
	60 ke atas	4	4.1
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.2 merupakan kategori umur mempunyai lima peringkat bermula 20 tahun hingga 60 tahun ke atas. Seramai 73 orang (75.3%) adalah berumur antara 20 hingga 29 tahun. Seramai 11 orang (11.3%) adalah berumur 30 hingga 39 tahun. Bagi peringkat ketiga ialah responden yang berumur 40 hingga 49 tahun yang terdiri daripada 5 orang (4.1%). Bagi responden peringkat keempat 50 tahun hingga 59 tahun dan peringkat kelima 60 ke atas mempunyai jumlah responden yang sama iaitu seramai 4 orang (4.1%).

Jadual 4.3: Kategori Bangsa

	<b>Kategori</b>	(N)	(%)
Bangsa	Melayu	92	94.8
	Cina	0	0
	India	4	4.1
	Bumiputera	1	1.0
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.3 merupakan kategori bangsa terdiri daripada empat kategori iaitu Melayu seramai 92 orang (94.8%). Kategori kedua iaitu Cina tiada responden, manakala kategori ketiga iaitu India seramai 4 orang (4.1%). Kategori Bumiputera hanya seorang (1.0%).

Jadual 4.4: Kategori Negeri Kelahiran

<b>Kategori</b>		<b>(N)</b>	<b>(%)</b>
Negeri	Negeri Sembilan	65	67.0
	Selangor	3	3.1
	Kuala Lumpur	2	2.1
	Melaka	6	6.2
	Johor	1	1.0
	Pulau Pinang	2	2.1
	Perak	2	2.1
	Kedah	4	4.1
	Kelantan	6	6.2
	Terengganu	2	2.1
	Pahang	3	3.1
	Sabah	1	1.0
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.4 merupakan kategori negeri kelahiran terdiri daripada 12 negeri. Seramai 65 orang (67.0%) daripada Negeri Sembilan. Selain itu, negeri Selangor dan Pahang seramai 3 orang (3.1%). Seterusnya, negeri Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu seramai 2 orang (2.1%). Manakala kategori negeri Melaka dan

Kelantan pula seramai 6 orang (6.2%). Bagi kategori negeri Johor dan Sabah pula seramai 1 orang (1.0%). Akhir sekali, negeri Kedah pula seramai 4 orang (4.1%).

Jadual 4.5: Kategori Negeri Bermastautin

<b>Kategori</b>		<b>(N)</b>	<b>(%)</b>
Negeri	Negeri Sembilan	71	73.2
Bermastautin	Selangor	5	5.2
	Kuala Lumpur	2	2.1
	Melaka	2	2.1
	Johor	0	0
	Pulau Pinang	2	2.1
	Perak	0	0
	Kedah	2	2.1
	Kelantan	11	11.3
	Terengganu	0	0
	Pahang	3	3.1
	Sabah	1	1.0
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.5 merupakan kategori negeri bermastautin terdiri daripada 12 negeri iaitu Negeri Sembilan seramai 71 orang (73.2%). Selain itu, kategori Negeri Selangor seramai 5 orang (5.2%) dan Negeri Kelantan seramai 11 orang (11.3%). Seterusnya, Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang dan Kedah seramai 2 orang (2.1%). Manakala kategori Negeri Pahang pula seramai 3 orang (3.1%). Bagi kategori Negeri Sabah pula seramai 1 orang (1.0%).

Jadual 4.6: Kategori Pendidikan

<b>Kategori</b>		<b>(N)</b>	<b>(%)</b>
Pendidikan	Spm/Sijil	13	13.4
	Stpm/Diploma	21	21.6
	Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana	62	63.9
	Phd	1	1.0
	<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>100</b>

Di dalam Jadual 4.6 merupakan kategori tahap pendidikan pula terbahagi kepada 4 kategori iaitu tahap SPM/Sijil seramai 13 orang (13.4%). Bagi tahap STPM/Diploma pula seramai 21 orang (21.6%). Selain itu, tahap Ijazah Sarjana Muda/Sarjana pula seramai 62 orang (63.9%). Akhir sekali, tahap Phd pula seorang (1.0%).

#### **4.2 Amalan Yang Berlaku Pada Hari Mantai Di Negeri Sembilan**

Perkataan Mantai berasal daripada perkataan membantai iaitu menyembelih binatang seperti kerbau dan lembu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Mantai merupakan istilah yang digunakan oleh masyarakat Negeri Sembilan yang menggambarkan aktiviti melapah lembu atau kerbau bersama-sama dalam sebuah kelompok masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (Talib, 2012). Masyarakat di Negeri Sembilan mengamalkan tradisi Hari Mantai mengikut daerah masing-masing seperti Tampin, Jelebu, Jempol, Rembau dan Seremban (Othman, 2020). Tradisi ini sangat popular di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan namun tradisi ini agak asing dan janggal bagi orang luar yang bukan daripada Negeri Sembilan (Neshjunior, 2002). Hari Mantai ini juga dilaksanakan pada sehari sebelum Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Adiladha.

Secara umumnya, Hari Mantai ialah hari atau malam ketika daging disediakan untuk disembelih (Talib, 2012). Masyarakat di Negeri Sembilan akan berkumpul untuk menyambut Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Adiladha. Pengkaji telah melakukan temu bual bersama beberapa penduduk Kampung Pantai dan menanyakan tentang pengetahuan Hari Mantai kepada masyarakat di Negeri Sembilan. Ini dapat dibuktikan hasil temu bual bersama responden yang menyatakan “*...perkataan mogang tu perkataan orang dulu-dulu nogori pakai. Mogang ni macam namo hari kejadian menyembelih lembu atau kerbau tu. Kalau Mantai pulak maksud kerja-kerja menyembelih lembu atau kerbau...*” (R2, Temu bual, 9 September 2021).

Pernyataan tersebut menyatakan bahawa masyarakat zaman dahulu menggunakan perkataan ‘mogang’ dan dikenali sebagai menyembelih lembu atau kerbau. Manakala, perkataan Mantai dimaksudkan sebagai gerak kerja menyembelih lembu atau kerbau. Pengkaji dapat simpulkan bahawa perkataan ‘mogang’ dijadikan perkataan turun-temurun yang di sebarkan melalui mulut ke mulut. Oleh itu, perkataan Mantai lebih mesra digunakan pada zaman sekarang ketika sesi berbual.

#### **4.2.1 Pengetahuan dan Menerima Maklumat tentang Hari Mantai**

Pengetahuan tentang Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan diperolehi daripada analisis borang soal selidik kajian. Pernyataan yang dikemukakan tentang pengetahuan secara umum untuk melihat sejauhmana responden mengetahui tentang Hari Mantai di Negeri Sembilan. Analisis ini dipersembahkan dalam bentuk jadual

Jadual 4.7: Pengetahuan tentang Hari Mantai

Pengetahuan tentang Hari Mantai	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Hari Mantai ini diadakan di Negeri Sembilan	7	7.2	7	7.2	6	6.2	29	29.9	48	49.5
Hari Mantai dikenali sebagai ‘mogang’ dalam dialek Negeri Sembilan.	16	16.5	21	21.6	18	18.6	18	18.6	24	24.7
Tradisi Hari Mantai dilakukan sehari sebelum bermulanya ibadah puasa, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.	7	7.2	5	5.2	10	10.3	19	19.6	56	57.7
Tradisi Hari Mantai merupakan tradisi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang sinonim dengan Adat Perpatih.	5	5.2	8	8.2	20	20.6	27	27.8	37	38.1
Masyarakat yang terlibat majoriti golongan dewasa dan orang yang sudah berusia.	3	3.1	5	5.2	19	19.6	28	28.9	42	43.3
Aktviti selain membantai adalah melemang, membuat ketupat dan membuat rendang.	3	3.1	10	10.3	14	14.4	25	25.8	45	46.4

Jadual 4.7 menunjukkan pengetahuan tentang amalan Hari Mantai di Negeri Sembilan. Seramai 48 orang (49.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan *Hari Mantai diadakan di Negeri Sembilan* manakala 28 orang (29.9%) hanya bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, seramai 6 orang (6.2%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut dan 7 orang (7.2%) tidak setuju mengenai Hari Mantai. Hal ini kerana, pengkaji mendapati responden tersebut sudah lama berhijrah ke luar negeri dan sudah lama tidak menetap di Negeri Sembilan. Oleh itu, pengkaji juga dapat membuktikan bahawa pengetahuan tentang Hari Mantai diadakan di Negeri Sembilan masih tidak diperluaskan lagi kepada masyarakat secara umum.

Pernyataan Hari Mantai dikenali sebagai ‘mogang’ dalam dialek Negeri Sembilan telah menunjukkan seramai 24 orang (24.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala yang menjawab tidak pasti seramai 18 orang (18.6%). Akan tetapi terdapat responden menjawab tidak setuju merupakan kedua tertinggi iaitu 21orang (21.6%). Ini menunjukkan bahawa perkataan mogang yang digunakan oleh golongan terdahulu jarang didengari oleh masyarakat zaman sekarang (Yatim, 2017). Pengkaji dapat membuktikan bahawa daripada sesi temu bual bersama penduduk Kampung Pantai yang menyatakan:

*Ikutkan perkataan mogang tu perkataan orang dulu-dulu nogori pakai. Tapi buek sekarang ni orang sekarang tak gunapakai mogang ni orang dulu-dulu neneh moyang kito jo pakai kito dan terbiaso dengan membantai atau sembelih lembu dan kobau jo bilo buek korban. Tambah pulak orang sekarang dah berhijrah ke luar nogori takdo nak duduk kek kampung macam kito ni. (R2, Temu Bual, 9 September 2021).*

Pernyataan di atas membuktikan bahawa perkataan *mogang* sudah jarang didengari dan tidak digunapakai oleh masyarakat sekarang. Hal ini kerana,

pembawakan perkataan *mogang* tidak dijadikan secara turun-temurun kerana sudah terbiasa menggunakan perkataan Mantai atau lebih dikenali sebagai menyembelih lembu dan kerbau (Ahmad, 2016).

Seterusnya, dalam Jadual 4.7 seramai 56 orang (57.7%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *tradisi Hari Mantai dilakukan sehari sebelum bermulanya ibadah puasa, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha*, manakala yang menjawab setuju seramai 19 orang (19.6%). Hal ini kerana, tujuan Hari Mantai diadakan adalah untuk menyambut kedatangan Ramadhan, Hari Raya Adilfitri dan Hari Raya Adiladha. Lazimnya, tradisi Hari Mantai dilaksanakan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan bagi mengeratkan silaturahim antara satu sama lain dan meluangkan masa bersama keluarga dan sanak saudara (Othman, 2020). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 10 orang (10.3%), manakala responden memilih kurang tahu seramai 5 orang R (5.2%). Hal ini menunjukkan pengkaji dapat simpulkan bahawa tradisi Hari Mantai masih tidak diwarwarkan dan tidak diperluaskan dalam masyarakat di Malaysia.

Selain itu, di dalam Jadual 4.7 seramai 37 orang (38.1%) menjawab sangat setuju pernyataan *tradisi Hari Mantai merupakan tradisi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang sinonim dengan Adat Perpatih*, manakala yang menjawab setuju seramai 27 orang (27.8%). Ini dapat membuktikan bahawa Adat Perpatih merupakan asal usul masyarakat Minangkabau di Sumatera. Masyarakat Minangkabau mengamalkan adat perpatih dan membawanya ke Negeri Sembilan. Menurut Yatim (2017) menegaskan bahawa melalui anotasi Tambo Alam Minangkabau, mengandungi maklumat tentang asal usul semula jadi Minangkabau purba yang disifatkan sebagai lagenda sejarah Melayu. Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 20 orang (20.6%), manakala responden memilih tidak setuju seramai 8 orang (8.2%) dan sangat tidak

setuju seramai 5 orang (5.2%). Hal ini kerana, pengkaji dapat membuktikan melalui temubal bersama penduduk Kampung Pantai menyatakan bahawa:

*Sejujurnya saya tak berapa tahu Hari Mantai ini disinonimkan dengan adat perpatih sebab saya tak pernah terlibat langsung dalam proses atau cara perlaksanaan cuma mak saya memang bagi tahu tradisi Hari Mantai memang sinonim dengan masyarakat melayu Negeri Sembilan. (R7, Temu bual, 20 September 2021).*

Ini dapat pengkaji simpulkan dengan pernyataan diatas bahawa kebanyakkan masyarakat melayu di Negeri Sembilan sekarang tidak tahu tradisi Hari Mantai disinonim dengan dengan adat perpatih yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau.

Di samping itu, seramai 42 orang (43.4%) sangat setuju mengenai penyertaan *Masyarakat yang terlibat majoriti golongan dewasa dan orang yang sudah berusia*, manakala yang menjawab setuju seramai 28 orang (28.9%). Hal ini dapat dibuktikan oleh pengkaji bahawa separuh daripada sesi temu bual yang dilakukan merupakan penduduk Kampung Pantai yang sudah berusia dan orang dewasa yang umurnya 40 tahun hingga 60 tahun ke atas. Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 19 orang (19.6%), manakala R memilih tidak setuju seramai 7 orang (8.3%) kerana mereka merasakan golongan yang terlibat hanya penjual daging mantai. Ini dapat dibuktikan daripada sesi temu bual bersama penjual daging Hari Mantai yang menyatakan bahawa:

*Kebanyakkan masyarakat yang membeli daging mantai ini hanya tahu golongan macam saya menjual daging mantai sedangkan banyak tempat lain atau kawasan tertentu yang menjalankan aktiviti Hari Mantai ini, malah dengan membeli kepada penjual daging Mantai untuk memudahkan urusan dan dapat menjimatkan masa. (R5, Temu bual, 13 September 2021).*

Pernyataan di atas dapat pengkaji simpulkan bahawa masyarakat sekarang lebih memilih untuk menjimatkan masa mereka dan memudahkan urusan mereka dengan menggunakan alasan mereka tidak dapat terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan menyertai tradisi Hari Mantai bersama golongan yang sudah berusia yang melaksanakan aktiviti Hari Mantai.

Akhir sekali, di dalam Jadual 4.7 menyatakan seramai 45 orang (46.4%) menjawab sangat setuju pernyataan *aktiviti selain membantai adalah melemang, membuat ketupat dan membuat rendang*, manakala yang menjawab setuju seramai 25 orang (25.8%). Ini menunjukkan pengkaji dapat membuktikan bahawa daripada kajian lepas tradisi membakar lemang menjadi kemestian bukanlah wajib akan tetapi setiap kali menjelang bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha di Negeri Sembilan (Amran, 2015). Hampir semua keluarga atau rumah di kampung akan membakar lemang masing-masing sebagai persiapan serta keseronokkan menyambut puasa dan hari raya. Tradisi membakar lemang atau “lomang” dalam loghat Negeri Sembilan dibuat sehari sebelum hari raya dan juga sebagai pelengkap tradisi Hari Mantai yang turut dibuat pada hari yang sama. Lembu atau kerbau disembelih untuk dimasak rendang dan lemang dibakar (Amran Yahya, 2016).

Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 14 orang (14.4%), manakala responden memilih tidak setuju seramai 13 orang (13.1%). Hal ini kerana,

pengkaji dapat simpulkan bahawa melalui temu bual bersama penduduk Kampung Pantai menyatakan bahawa masyarakat sekarang menyatakan terlalu sibuk dengan kerjaya dan kehidupan di Bandar Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menyertai aktiviti melemang dengan memasak rendang secara beramai-ramai. Ini dapat dibuktikan ketika pengkaji melakukan sesi temu bual bersama penduduk Kampung Pantai yang menyatakan “*orang sekarang takdo nak bersamo-samo buak aktiviti lemang dengan rendang sebabnya leceh payah cari maso lagi, orang sekarang banyak kojo kek Bandar*” (R1, Temu bual, 9 September 2021).

Oleh itu, terbuktilah masyarakat sekarang bukan sengaja untuk tidak menyertai aktiviti tradisi Hari Mantai. Hal ini kerana, kekangan masa dan mengalas tanggungjawab yang banyak menyebabkan mereka lebih memilih membeli daripada membuat dan dapat menjimatkan masa.

Seterusnya, menerima maklumat tentang Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan diperolehi daripada analisis borang soal selidik kajian. Pernyataan yang dinyatakan tentang menerima maklumat tentang Hari Mantai secara umum untuk melihat sejauhmana responden mengetahui tentang Hari Mantai di Negeri Sembilan. Analisis ini dijelaskan dalam bentuk jadual.

Jadual 4.8: Menerima maklumat tentang Hari Mantai

Menerima maklumat tentang Hari Mantai	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Mengetahui Hari Mantai melalui surat khabar dan majalah	15	15.5	32	33.0	20	20.6	19	19.6	11	11.3
Mengetahui Hari Mantai melalui televisyen	13	13.4	23	23.7	17	17.5	29	29.9	15	15.5
Mengetahui Mantai dari radio	16	16.5	27	27.8	20	20.6	22.	22.7	12	12.4
Mengetahui Hari Mantai melalui media sosial ( <i>facebook, instagram, youtube, tiktok</i> dll)	16	16.5	20	20.6	18	18.6	26	26.8	17	17.5
Mengetahui tentang Hari Mantai dari rakan sebaya	12	12.4	17	17.5	16	16.5	33	34.0	19	19.6
Mengetahui Hari Mantai daripada ibu bapa dan ahli keluarga	10	10.3	3	3.1	14	14.4	15	15.5	55	55.7
Mengetahui Hari Mantai dari guru dan pensyarah	19	19.6	15	15.5	17	17.5	32	33.0	14	14.4
Mengetahui Hari Mantai dari sekolah dan universiti	18	18.6	17	17.5	20	20.6	23	23.7	19	19.6

Jadual 4.8 menunjukkan responden menjawab terhadap menerima maklumat tentang Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan. Seramai 11 orang (11.3%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Mengetahui Hari Mantai melalui surat khabar dan majalah*, manakala yang menjawab setuju seramai 19 orang (19.6%). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 20 orang (20.6%). Akan tetapi, responden menjawab tidak setuju lebih tinggi seramai 32 orang (33.0%) dan sangat tidak setuju seramai 15 orang (15.5%). Pengkaji dapat simpulkan bahawa penyebaran maklumat tentang Hari Mantai melalui surat khabar dan majalah sangat berkurang kerana persepsi responden lebih majoriti menjawab tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju berbanding setuju dan sangat tidak setuju.

Oleh itu, pengkaji juga dapat membuktikan bahawa dengan sesi temu bual bersama penduduk Kampung Pantai menyatakan “... *tentang Hari Mantai ni mungkin jarang orang dengar takdo kek majalah pon, kalau ado pon kek surat khabar tapi jarang-jarang nak nengok Mantai ni dihebohkan kek orang luar...*” (R1, Temu bual, 9 September 2021). Pernyataan tersebut dapat kita lihat bahawa penyebaran Hari Mantai sangat berkurang dan tidak diwarwarkan kepada masyarakat luar secara umum.

Seterusnya, Jadual 4.8 menunjukkan seramai 15 orang (15.5%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *mengetahui Hari Mantai melalui televisyen*, manakala yang menjawab setuju seramai 29 orang (29.9%). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 17 orang (17.5%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 23 orang (23.7%) dan sangat tidak setuju seramai 13 orang (13.4%). Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa responden lebih cenderung menjawab tidak menyokong pernyataan tersebut kerana jarang kita dapat lihat Hari Mantai dihebahkan melalui televisyen, meskipun ada hanya kemeriahian membeli daging Mantai di kawasan yang sudah jadi tumpuan umum. Hasil temu bual bersama

penjual daging menyatakan bahawa “*sesi jual menjual daging Mantai memang dapat liputan oleh media akan tetapi hanya dipaparkan ketika pembeli membeli daging Mantai di kawasan Mantai Perdana di Stadium Paroi, Seremban*” (R5, Temu bual, 13 September 2021).

Jadual 4.8 menunjukkan seramai 17 orang (17.5%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *mengetahui Hari Mantai melalui media sosial (facebook, instagram, youtube, tiktok dll)*, manakala yang menjawab setuju seramai 26 orang (26.8%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 18 orang (18.6%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 20 orang (20.6%) dan sangat tidak setuju seramai 16 orang (16.5%). Hasil penelitian pengkaji dapat menyatakan bahawa penyebaran maklumat melalui media sosial tentang tradisi Hari Mantai dalam kalangan masyarakat melayu di Negeri Sembilan masih berkurang dan tidak diperluaskan. Pengkaji jugak dapat membuktikan daripada sesi temu bual bersama wakil dun lenggeng yang menyatakan bahawa:

*Sememang masih tiada insentif dalam memartabatkan kembali tradisi Hari Mantai melalui platform media sosial kerana golongan yang terlibat dalam melakukan aktiviti Hari Mantai adalah golongan orang tua yang sudah berusia dan tidak pandai menggunakan kecanggihan teknologi sekarang.* (R8, Temu bual, 25 September 2021).

Oleh itu, melalui pernyataan di atas dapat pengkaji simpulkan bahawa pihak tertentu haruskan memperkasakan dan memperluaskan lagi penyebaran maklumat tradisi Hari Mantai melalui media sosial sejajar dengan peredaran zaman sekarang.

Selain itu, Jadual 4.8 menunjukkan seramai 19 orang (19.6%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Mengetahui tentang Hari Mantai dari rakan sebaya*, manakala yang menjawab setuju seramai 33 orang (34.0%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 16 orang (16.5%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 17 orang (17.5%) dan sangat tidak setuju seramai 12 orang (12.4%). Melalui penelitian pengkaji dapat lihat bahawa responden lebih bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana pengaruh rakan sebaya ini sangat memberi impak besar dalam penyebaran maklumat, manakala responden yang menjawab tidak pasti dan kurang setuju pengkaji berpendapat bahawa responden tidak suka mengambil tahu maklumat melalui lisan mereka lebih memilih fakta yang boleh di baca dan sahih oleh sumber tertentu.

Seterusnya, Jadual 4.8 menyatakan seramai 55 orang (55.7%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Mengetahui Hari Mantai daripada ibu bapa dah ahli keluarga*, manakala yang menjawab setuju seramai 15 orang (15.5%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 14 orang (14.4%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 3 orang (3.1%) dan sangat tidak setuju seramai 10 orang (10.3%). Hasil penelitian pengkaji dapat simpulkan bahawa persepsi positif daripada responden sangat bersetuju tentang pernyataan ibu bapa dan ahli keluarga sangat memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat tentang tradisi Hari Mantai kerana orang terdekat ini mampu memberi pengaruh besar dan impak lebih mendalam. Pengkaji juga dapat mengukuhkan kenyataan tersebut melalui kajian lepas yang menyatakan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk pendidikan anak dan menjadi asas kepada perkembangan diri anak maka, ibu bapa boleh membantu kanak-kanak mendapat pendidikan yang baik dan kualiti (Zaleha Sulaiman, 1995).

Seterusnya, Jadual 4.8 menyatakan seramai seramai 14 orang (14.4%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Mengetahui mengenai Hari Mantai dari guru dan pensyarah*, manakala yang menjawab setuju seramai 32 orang (33.0%). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 17 orang (17.5%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 15 orang (15.5%) dan sangat tidak setuju seramai 19 orang (19.6%). Melalui penelitian pengkaji dapat simpulkan penyebaran maklumat tradisi Hari Mantai melalui guru dan pensyarah masih berkurang kerana jarang di adaptasi melalui pembelajaran hari sebagai pengajar.

Akhir sekali, Jadual 4.8 menyatakan seramai 33 orang (32%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan mengetahui *Hari Mantai melalui sekolah dan universiti*, manakala yang menjawab setuju seramai 38 orang (36.9%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 15 orang (14.6%). Manakala, responden menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 3 orang (2.9%). Hal ini dapat disimpulkan oleh pengkaji bahawa responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana platform penyebaran maklumat tentang tradisi Hari Mantai di Negeri Sembilan merupakan tempat yang sangat bagus dan efisien untuk memperluaskan lagi pengetahuan dengan lebih mendalam. Pengkaji mengukuhkan dengan pernyataan daripada kajian lepas iaitu keperluan khas diajar dan diadaptasi dari awal lagi melalui sekolah dan universiti mampu membina perhubungan sosial dan komuniti yang wujud dalam komuniti setempat (Saiful Azam, 2017).

#### **4.3 Proses Pelaksanaan Hari Mantai**

Hari Mantai merupakan adat yang teristimewa kepada masyarakat di Negeri Sembilan. Ia berlaku pada sehari sebelum Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji. Pada kebiasaannya, sesebuah komuniti masyarakat akan berkumpul dan melaksanakan aktiviti bersama dalam penyediaan Hari Mantai. Sepanjang menjalankan kajian ini pengkaji telah melakukan pemerhatian beberapa tempat di kawasan Kampung Pantai untuk mengetahui proses pelaksanaan Hari Mantai sebelum, semasa dan selepas.

Sebelum memulakan proses pelaksanaan Hari Mantai setiap kawasan atau taman perumahan yang ingin melaksanakan Mantai perlu bermusyawarah atau berbincang untuk mengagihkan tugas sepaya perlaksanaan Hari Mantai akan berjalan dengan lancar.



Rajah 4.1 Dewan Masyarakat Pantai

Sumber: Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.1 merupakan Dewan Masyarakat Pantai yang digunakan oleh penduduk Kampung Pantai. Setiap kali perbincangan atau mesyuarat di antara penduduk kampung mereka akan menggunakan dewan serbaguna ini.

#### 4.3.2 Semasa Hari Mantai

Seterusnya, proses perlaksanaan Hari Mantai diteruskan dengan beberapa peringkat tugas yang sudah diagihkan. Terdapat beberapa peringkat utama iaitu,

- i) Proses penyembelihan dan melapah lembu dan kerbau



Rajah 4.2: Proses Penyembelihan Dan Melapah

Sumber: Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.2 merupakan gambaran sebenar tempat penyembelihan lembu dan kerbau. Pada Hari kejadian lembu dan kerbau dibawah ke kawasan lapang atau di kawasan yang sesuai untuk disembelih serta dilapah secara beramai-ramai. Bahagian ini akan dilakukan oleh kaum lelaki yang sudah ditugaskan untuk menumbangkan lembu dan melakukan kerja-kerja proses penyembelihan.

## ii) Proses Penjualan Daging Mantai



Rajah 4.3: Proses Penjualan Daging Mantai

Sumber: Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.3 menunjukkan proses penjualan daging Mantai yang dijual selepas proses penyembelihan yang telah dilakukan. Di kawasan pekan Kampung Pantai dijadikan tempat utama untuk menjual daging segar kepada penduduk Kampung Pantai. Menurut hasil temu bual bersama penduduk Kampung Pantai menyatakan, “*Hari Mantai ini merupakan platform masyarakat melayu Negeri Sembilan membeli daging segar untuk menyambut kedatangan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha*”. (R9, Temu bual, 2 Oktober 2021). Pernyataan tersebut jelaslah Hari Mantai sebagai simbolik dan mempunyai peranan yang sangat besar bagi masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

#### 4.3.3 Selepas Hari Mantai

Selepas selesai penyembelihan daging Mantai yang dilaksanakan. Kebanyakkhan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan akan membeli daging Mantai yang dijual di Pekan Kampung Pantai. Selain itu, kebanyakkan anak-anak yang merantau dan duduk di luar Negeri Sembilan akan pulang ke kampung untuk menikmati suasana Hari Mantai. Antara aktiviti wajib yang di lakukan bersama ahli keluarga ialah,

- i) Membuat dan membakar lemang



Rajah 4.4: Aktiviti Membuat dan Membakar Lemang di Rumah Puan Noraini

Sumber : Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.4 menunjukkan aktiviti membuat dan membakar lemang di rumah Puan Noraini. Aktiviti membakar lemang menjadikan kewajipan setiap kali menjelang bulan puasa dan hari Raya kerana hampir semua keluarga atau rumah di Kampung akan membakar

lemang masing-masing sebagai persiapan serta keseronokan menyambut puasa dan hari Raya. Hasil temu bual bersama responden menyatakan bahawa “*raso tak lengkap bilo kito buek Mantai mesti dokek rumah akan membakar lomang ni perkaro wajib keno buek tak ponah lagi orang tak buek kalau duduk kek kampung ni*” (R1, Temu bual, 9 September 2021).

ii) Membuat Rendang



Rajah 4.5: Aktiviti Membuat Rendang Ayam Maman

Rajah 4.5 merupakan rendang ayam maman yang dihasilkan oleh Puan Noraini. Puan Noraini berkata rendang ayam maman ini sememangnya menjadi kewajiban dan hanya ada di Negeri Sembilan. Penghasilan rendang ayam ini akan di makan bersama lemang yang sudah siap dibakar oleh keluarga Puan Noraini. Di sini pengkaji dapat lihat dan merasai suasana Hari Mantai yang sangat meriah apabila anak-anak perantauan pulang ke kampung dan sanak saudara berkumpul beramai-ramai untuk meraikan kedatangan bulan puasa dan hari Raya.

### iii) Membuat Ketupat



Rajah 4.6 Aktiviti Membuat Ketupat

Sumber: Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.6 merupakan aktiviti menghasilkan ketupat oleh ahli keluarga Puan Noraini.

Penghasilan ketupat daripada daun kelapa muda yang berwarna hijau muda. Melalui sesi temu bual bersama responden menyatakan, “*ketupat mempunyai simbol tersendiri bermaksud berkasih sayang dan kebersamaan*” (R8, Temu bual, 25 September 2021).

Berdasarkan pernyataan tersebut, penghasilan ketupat ini perlukan seseorang yang sabar dan mahir dengan teknik anyaman ketupat dengan betul. Jika seseorang itu menggunakan teknik yang salah, maka bentuk ketupat tersebut tidak akan jadi dan susah untuk mengisi beras di dalamnya.

iv) Membuat Kuah Kacang



Rajah 4.7: Aktiviti Membuat Kuah Kacang

Sumber: Nur Iffah Musfirah, 2021

Rajah 4.7 menunjukkan aktiviti membuat kuah kacang. Secara umumnya, kuah kacang merupakan makanan pelengkap bersama ketupat yang sudah siap direbus. Penghasilan kuah kacang menggunakan kaedah dapur kayu untuk mengekalkan keaslian tradisional kuah kacang tersebut. Pengkaji dapat melihat bahawa keluarga Puan Noraini masih mengamalkan cara memasak secara tradisional dan suasana kemeriahian Hari Mantai dapat dirasai bersama.

#### **4.4 Peranan Hari Mantai Menurut Perspektif Masyarakat Di Negeri Sembilan**

Peranan yang diterapakan di dalam Hari Mantai mempunyai nilai solidariti iaitu aktiviti bersama dalam masyarakat yang pelbagai (Syed, 2009). Nilai terdiri daripada satu set idea atau prinsip yang membantu individu membezakan antara yang baik dan buruk. Nilai dibentuk berdasarkan pengalaman dan kecerdasan manusia (Ruzki, 2017). Nilai dilihat sebagai konsep yang kompleks, ukuran yang merangsang dan menyekat tingkah laku seseorang. Nilai-nilai murni terdiri daripada konsep kasih sayang, kebaikan, kepuasan, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan

(Kamarudin, 2020). Kita dapat merumuskan nilai sebagai peraturan am tingkah laku. Garis panduan ini menunjukkan jalan untuk kehidupan individu dan anggota masyarakat. Berikut merupakan hasil dapatan kajian mengenai peranan Hari Mantai dijalankan secara kualitatif.

#### **4.4.1 Nilai kemasyarakatan**

Nilai kemasyarakatan merupakan nilai yang sangat penting dalam Hari Mantai. Hal ini kerana, Hari Mantai merapatkan hubungan kekeluargaan, memberikan kerjasama dan kebersamaan di dalam masyarakat. Pengkaji telah mengenalpasti nilai kemasyarakatan dalam peranan Hari Mantai terhadap perspektif masyarakat Negeri Sembilan. Hasil kajian turut disokong melalui sesi temu bual bersama responden 1 menyatakan “...*Hari Mantai seronoknya beramai-ramai, bilo kita dah macamtu mestilah kito bergotong-royong kek situ dapat lah kito eratkan silaturahim itu sebab dio kekal sampai sekarang...*” (R1, Temu bual, 9 September 2021). Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa Hari Mantai sangat seronok dilakukan secara beramai-ramai. Hal ini kerana, mereka beranggapan melakukan secara gotong-royong dalam Hari Mantai dapat mengeratkan silaturahim.

Manakala, responden 2 menyatakan “...*peranan Hari Mantai ni kita boleh tengok dari segi gotong-royong dio kan buek samo-samo, maso tu kan kito buek kejo tanpo kiro sapo-sapo pon kito ni kito tetap buat kejo tanpo ado bezo bendo nilah yang boleh mengeratkan silaturahim sesame kita...*” (R2, Temu bual, 9 September 2021). Pernyataan tersebut adalah hasil temu bual responden 2 juga menyokong bahawa aktiviti gotong-royong dilakukan dalam Hari Mantai tidak mengenal erti siapa-siapa, mereka tetap melakukan Hari Mantai bersama-sama dalam sebuah masyarakat.

Malah responden 4 juga menyokong dengan menyatakan “*...acara mantai ini juga adalah salah satu aktiviti yang merapatkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan nilai-nilai positif yang menjadi keutamaan dalam masyarakat di Negeri Sembilan yang mementingkan muafakat dan perpaduan...*” (R4, Temu bual, 10 September 2021). Bagi pernyataan daripada responden 4 juga menyokong Hari Mantai sebagai aktiviti yang mampu mengeratkan silaturahim sesebuah hubungan kekeluargaan dan mempunyai nilai-nilai positif dibawa dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Kesimpulan daripada tiga temu ramah di atas jelas menunjukkan Hari Mantai memainkan peranannya yang tersendiri dalam mengeratkan hubungan silaturahim dan nilai-nilai kemasyarakatan dalam sesebuah kelompok masyarakat di Negeri Sembilan (Nawi, 2010).

#### **4.4.2 Kebersamaan**

Kebersamaan merupakan nilai yang sangat penting dalam tradisi Hari Mantai yang dijalankan di Negeri Sembilan. Pengkaji telah mengenalpasti nilai kebersamaan dalam peranan Hari Mantai melalui aktiviti berkumpul dan memasak bersama-sama di kawasan Kampung Pantai. Hasil kajian turut disokong melalui sesi temu bual bersama responden 8:

*Aktiviti yang dijalankan ketika Hari Mantai seperti menyembelih lembu, melapah daging, memasak lemang dan rendang selalunya dilakukan secara bergotong-royong dan bersama-sama. Melalui aktiviti ini dapat mewujudkan rasa gembira kerana kami dapat bermesra antara satu sama lain malah dapat mengeratkan silaturahim sesama kita.* (R8, Temu bual, 25 September 2021).

Pernyataan diatas pengkaji dapat simpulkan bahawa masyarakat Melayu di Negeri Sembilan sangat mementingkan kebersamaan di antara mereka kerana nilai kebersamaan tidak akan wujud jika tidak dipraktikkan dan diamalkan. Kepentingan berkumpul bersama dan bekerjasama di antara masyarakat Melayu di Negeri Sembilan merupakan lambang budaya mereka selari dengan pendapat Kamarudin (2020) Hari Mantai dianggap sebagai aktiviti merapatkan hubungan kekeluargaan yang mengutamakan nilai muafakat dan perpaduan.

#### **4.4.3 Kepatuhan**

Kepatuhan didefinisikan sebagai ketaatan dan patuh terhadap sesuatu perkara yang ditentukan (Kamus Dewan Dan Pustaka Edisi Keempat, 2017). Kepatuhan yang ada pada Hari Mantai adalah patuh terhadap tradisi Hari Mantai yang telah diwariskan secara turun-temurun. Pengkaji telah mengenal pasti nilai kepatuhan dalam peranan Hari Mantai terhadap perspektif masyarakat Negeri Sembilan. Hasil kajian turut disokong melalui sesi temu bual bersama responden 3 menyatakan “*Kito dah dibiasakan setiap kali nak dokek puaso ataupun rayo orang dokek sini mesti buek Mantai, dio macam sambut kedatangan bulan islam macamtu. Kito dokek sini dah terbiaso buek gotong-royong sembelih lembu atau kobau sobab sonang buleh makan ramai-ramai.*” (R3, Temu bual, 9 September 2021).

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa Hari Mantai berperanan sebagai identiti dan warisan yang ada di Negeri Sembilan. Pengkaji dapat simpulkan bahawa masyarakat Melayu di Negeri Sembilan meneruskan tradisi Hari Mantai sebagai aktiviti wajib mereka apabila menyambut kedatangan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Pengkaji berpendapat mempertahankan budaya seperti tradisi

Hari Mantai adalah usaha yang perlu diteruskan kerana memberi impak positif kepada golongan muda. Menurut Rahmat (2021) masyarakat perlu berbangga memiliki warisan budaya yang unik dan mempunyai identiti sendiri tanpa mengagung-agungkan budaya luar.

#### **4.5 Faktor yang mewujudkan nilai-nilai murni dalam Hari Mantai Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.**

Wujudnya nilai-nilai murni dalam Hari Mantai kerana ia merupakan sebahagian daripada cara mengeratkan hubungan kekelurgaan, kejiranan dan kemasyarakatan. Definisi nilai-nilai murni adalah perilaku seseorang yang baik dan tidak mempunyai unsur sikap yang buruk (Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat, 2017). Selain itu, penerapan nilai-nilai murni seperti bermurah hati terhadap ahli keluarga dan masyarakat sekeliling. Kini nilai-nilai murni yang telah diterapkan dalam Hari Mantai sudah menjadi kebiasaan kepada masyarakat Melayu di Negeri Sembilan kerana ianya wujudkan keharmonian dalam sesebuah masyarakat. Melalui sesi temu bual bersama responden 6 daripada penduduk Kampung Pantai yang menyatakan:

*Macam orang dokek sini atau pon orang noghori kita dikenali dengan sopan santun bilo bercakap, ado adab penuh ngan budi perkerti. Semuo bondo ni banyak jo nilai murni dokek situ. Boleh nengok kek Mantai ni kita samo-samo buuk kejo sampai siap lopeh tu rehat pon samo maso tu lah kito borak gelak tawa samo-samo. (R5, Temu bual, 13 September 2021).*

Pernyataan tersebut jelaslah bahawa masyarakat Melayu di Negeri Sembilan sangat menitikberatkan nilai-nilai murni yang dibawa oleh nenek moyang mereka melalui perlakasanaan peranan Hari Mantai. Hal ini kerana, definisi nilai-nilai murni yang

dinayatakan Sualman (2019) iaitu nilai-nilai murni merupakan nilai-nilai kelompok seperti amalan tradisi, kepatuhan dan murah hati.

Seterusnya, pernyataan ini juga disokong melalui responden 6 yang menyatakan “*kito kek sini dah dibiasakan dengan tingkah laku baik, beri contoh yang baik, macam contoh kito bermurah hati dengan orang. Kito sentiaso bersamo-samo berganding bahu bilo musim perayaan macam Mantai ni, dah bersiap sedio lah kito sebab dah dibiasakan*” (R6, Temu bual, 20 September 2021). Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa, masyarakat Melayu Negeri Sembilan sangat mementingkan hubungan kekeluargaan antara saudara-mara dan jiran tetangga, sebab itu nilai-nilai murni seperti bersopan santun, kasih sayang, kebersamaan diterapkan atas dalam pelaksanaan peranan Hari Mantai.

Selain itu, nilai-nilai murni mampu memartabatkan sesebuah masyarakat mempunyai perilaku kelas pertama. Hal ini kerana, sesebuah masyarakat yang berteraskan prinsip nilai-nilai murni ini akan melahirkan masyarakat yang bertamadun. Hasil temu bual bersama penduduk Kampung Pantai menyatakan

*Kalau kito sudah dibiasakan dari kecik hingga ke bosar diajar helok tentang budi bahaso, bersopan santun dengan orang helok jadinyo, samo jugak dalam buek Mantai ado juga kito ajar nilai murni dio macam gotong-royong, bekerjasamo banyak lagi apopun kok mano pon setiap adat dan tradisi ado dokek nogori ni nilai murni pasti ado.*(R7, Temu bual, 20 September 2021)

Pernyataan di atas jelaslah bahawa nilai-nilai murni sememangnya jika diterapkan di dalam diri mampu melahirkan seseorang itu mempunyai sifat jujur, amanah dan hormat-menghormati secara tidak langsung dapat membina akhlak yang mulia (Sualman, 2019).

## **4.6 Mekanisme Relevan Dalam Mengelakkan Dan Melestarikan Hari Mantai Di Negeri Sembilan**

Bagi mengekalkan dalam melestarikan Hari Mantai semua pihak yang terdiri dari individu, masyarakat, kerajaan negeri dan institusi pendidikan dilihat memainkan peranan yang penting. Peranan-peranan ini dapat dilihat berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan. Berikut merupakan pecahan kepada hasil kajian ini.

### **4.6.1 Peranan Individu Terhadap Hari Mantai**

Individu merupakan antara kelompok yang dapat menjadi mekanisma utama dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan. Berikut merupakan hasil analisis yang dijalankan melalui kaedah kuantitatif.

**Jadual 4.9: Peranan Individu dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan.**

Peranan Individu	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Menyertai program Hari Mantai yang diadakan di kawasan perumahan saya	19	19.6	10	10.3	13	13.4	34	35.1	21	21.6
Menyebarluaskan kebaikan untuk mengekalkan Hari Mantai di dalam komuniti	12	12.4	8	8.2	19	19.6	31	32.0	27	28.8
Mengangkat tradisi Hari Mantai sebagai salah satu identiti masyarakat Negeri Sembilan	2	2.1	2	2.1	12	12.4	31	32.0	50	51.5

Memastikan Hari Mantai masih dilaksanakan pada masa kini	2	2.1	4	4.1	11	11.3	32	33.0	48	49.5
Hari Mantai mementingkan kerjasama dan sifat bergotong-royong	2	2.1	6	6.2	10	10.3	23	23.7	56	57.7

Jadual 4.9 menunjukkan peranan individu dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan. Seramai 21 orang (21.6%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *menyertai program Hari Mantai yang diadakan di kawasan perumahan* manakala, yang menjawab setuju seramai 34 orang (35.1%). Selain itu, terdapat 13 orang (13.4%) menjawab tidak pasti. Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 10 orang (10.3%) dan sangat tidak setuju seramai 19 orang (19.6%). Hasil penelitian pengkaji dapat simpulkan bahawa peranan individu dalam menyertai program Hari Mantai yang diadakan di kawasan perumahan ini sangat penting kerana ini salah satu insentif yang dapat membina minat seseorang untuk mengenal tradisi Hari Mantai. Hasil kajian diatas ini disokong oleh hasil temu bual yang dilakukan pengkaji keatas penduduk Kampung Pantai menyatakan “...kalau makcik selalu ikut orang gotong-royong kalau ada apo-apo yang perlukan pertolongan, macam Hari Mantai ni kito kan samo-samo nak memasak lah melapah lah kito yang dokek kawasan ni pogilah nolong mano yang patut...” (R2, Temu bual, 9 September 2021). Pernyataan tersebut sangat jelas bahawa seseorang yang mempunyai insentif sendiri untuk bersama-sama serta Hari Mantai sangatlah penting kerana ianya memberi impak besar dalam peranan individu untuk memperkenalkan Hari Mantai kepada umum.

Seterusnya, pernyataan *menyebarkan kebaikan untuk mengekalkan Hari Mantai di dalam komuniti* telah menunjukkan seramai 27 orang (28.8%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 31 orang (32.0%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 19 orang (19.6%). Manakala, responden yang menjawab tidak setuju seramai 8 orang (8.2%) dan sangat tidak setuju seramai 12 orang (12.4%). Hal ini dapat pengkaji simpulkan bahawa peranan individu dalam menyebarkan kebaikan untuk mengekalkan Hari Mantai sangat memberi impak besar kerana kemahiran sosial merupakan antara perkara penting dalam keseimbangan seseorang individu terutamanya berinteraksi sesama masyarakat dan melibatkan diri dalam aktiviti yang disertai (Ahmad Tarmizi, 2015).

Jadual 4.9 menunjukkan seramai 50 orang (51.5%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *mengangkat tradisi Hari Mantai sebagai salah satu identiti masyarakat Negeri Sembilan*, manakala yang menjawab setuju seramai 31 orang (32.0%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 12 orang (12.4%). Manakala, responden menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (2.1%). Berdasarkan huraian ini pengkaji dapat merumuskan bahawa responden sangat setuju terhadap peranan individu dalam mengangkat tradisi Hari Mantai sebagai identiti masyarakat melayu negeri Sembilan di mata masyarakat luar negeri. Menurut Osman (2020), Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan budaya dan adat resam tradisi yang amat berbeza dengan negeri-negeri lain. Tradisi merupakan satu cara hidup yang boleh menonjolkan identiti sesebuah masyarakat atau individu. Tradisi dan identiti sangat berkait rapat (Osman, 2020).

Selain itu, pernyataan tentang *memastikan Hari Mantai masih dilaksanakan pada masa kini* telah menunjukkan seramai 48 orang (49.5%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 32 orang (33.0%). Terdapat 11 orang (11.3%)

menjawab tidak pasti. Manakala, responden menjawab tidak setuju adalah seramai 4 orang (4.1%) dan seramai 2 orang (2.1%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil penelitian pengkaji mendapati responden sangat setuju terhadap pernyataan tersebut kerana peranan individu dalam memastikan Hari Mantai masih dilaksanakan pada masa kini sangat penting bagi memastabatkan kembali kemeriahannya. Hari Mantai yang dilakukan pada masa dahulu. Pengkaji dapat simpulkan bahawa menurut Glassie (1995), tradisi merupakan penciptaan masa depan dari masa lalu. Hal ini kerana, ia adalah satu cara untuk meneruskan dari generasi ke generasi melalui peristiwa sejarah yang berlaku di suatu tempat.

Akhir sekali, seramai 56 orang (57.7%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Hari Mantai mementingkan kerjasama dan bersifat bergotong-royong*, manakala yang menjawab setuju seramai 23 orang (23.7%). Terdapat 10 orang (10.3%) menjawab tidak pasti. Responden menjawab tidak setuju seramai 6 orang (6.2%) dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (2.1%). Hal ini menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pernyataan tersebut kerana peranan individu terhadap Hari Mantai sangat mementingkan kerjasama dan bersifat bergotong-royong. Pengkaji juga dapat mengukuhkan hujahan tersebut melalui sesi temu bual bersama penduduk Kampung Pantai yang menyatakan bahawa “*...bagi makcik lah kan Hari Mantai seronoknya beramai-ramai, bilo kita dah macam tu mestalah kito bergotong-royong kek situ dapat lah kito eratkan silaturahim...*” (R1, Temu bual, 9 September 2021). Oleh itu, melalui pernyataan diatas menunjukkan bahawa peranan individu sebagai penggerak utama dalam mengekalkan konsep Hari Mantai yang mementingkan kerjasama dan bersifat bergotong-royong dalam ses sebuah masyarakat.

#### 4.6.2 Peranan Masyarakat Terhadap Hari Mantai

Mekanisma seterusnya yang digunakan untuk memastikan Hari Mantai di Negeri Sembilan ialah melalui peranan masyarakat. Hasil kajian dapat dilihat melalui pecahan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.10: Peranan Masyarakat dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan.

Peranan Masyarakat	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Penambahan pengisian aktiviti Hari Mantai dengan mengadakan aktiviti membakar lemang dan membuat rending secara bergotong-royong	0	0	7	7.2	13	13.4	28	28.9	49	50.6
Pihak bertanggungjawab seperti Persatuan Anak Muda setiap kawasan bertanggungjawab dalam menguruskan dan mengerakkan Hari Mantai	42	0	4	4.1	14	14.4	37	38.1	42	43.3
Masyarakat menggalakan golongan muda untuk menyertai program Hari Mantai	0	0	5	5.2	5	5.2	37	38.1	50	51.5

Jadual 4.10 menunjukkan peranan masyarakat terhadap Hari Mantai di Negeri Sembilan. Seramai 49 orang (50.6%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *Penambahan pengisian aktiviti Hari Mantai dengan mengadakan aktiviti membakar lemang dan membuat rendang secara bergotong-royong*, manakala yang menjawab setuju seramai 28 orang (28.9%). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 13 orang (13.4%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 7 orang (7.2%). Hasil penelitian pengkaji dapat simpulkan bahawa responden menunjukkan persepsi sangat positif bahawa mengadakan pelbagai aktiviti ketika menjalankan tradisi Hari Mantai mampu menarik minat masyarakat luar untuk mengenal Hari Mantai melalui aktiviti yang dijalankan. Pengkaji juga dapat mengukuhkan pernyataan dengan menyatakan bahawa daging sembelihan akan dimasak rendang dan membakar lemang merupakan aktiviti yang penting dan wajib dilakukan secara bergotong-royong, jika tidak melemang dan merendang dianggap tidak lengkap kerana makanan tradisi yang wajib ada (Ahmad, 2016).

Selain itu, di dalam Jadual 4.10 telah menunjukkan seramai 42 orang (43.3%) menjawab sangat setuju, terhadap pernyataan *pihak bertanggungjawab seperti Persatuan Anak Muda setiap kawasan bertanggungjawab dalam menguruskan dan mengerakkan Hari Mantai*, manakala yang menjawab setuju seramai 37 orang (38.1%). Seterusnya, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 14 orang (14.4%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 4 orang (4.1%). Hasil penelitian pengkaji dapat simpulkan bahawa responden sangat bersetuju terhadap pernyataan tersebut kerana pihak berwajib haruslah bertindak sewajarnya untuk memperkasakan tradisi Hari Mantai dalam sebuah bentuk pengurusan yang sistematik. Hujahan pengkaji dapat diperkuuhkan lagi melalui sesi temu bual penduduk Kampung Pantai yang menyatakan bahawa “*Di Kampung Pantai ini setiap taman ada persatuan masing-*

*masing akan merancang pelbagai aktiviti yang memerlukan beramai-ramai dan dibuat secara bergotong-royong”* (R9, Temu bual, 2 Oktober 2021). Oleh itu, pengkaji dapat melihat peranan masyarakat sangat penting bagi mengerakkan dalam menguruskan aktiviti Hari Mantai yang dijalankan.

Akhir sekali, pernyataan tentang *masyarakat menggalakan golongan muda untuk menyertai program Hari Mantai* menunjukkan seramai 50 orang (51.5%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 37 orang (38.1%). Terdapat responden menjawab tidak pasti dan tidak setuju seramai 5 orang (5.2%). Hal ini kerana, peranan masyarakat merupakan penggerak utama dalam sesebuah komuniti masyarakat. Kesan positif yang dibawa oleh masyarakat dalam menggalakkan golongan muda menyertai sesebuah budaya boleh menyebabkan sebuah perpaduan terjalin dalam komuniti (Veenerth, 2016).

#### 4.6.3 Peranan Kerajaan Negeri Terhadap Hari Mantai

Kerajaan Negeri dilihat mampu memainkan peranan utama dalam memastikan peranan Hari Mantai dapat dikekalkan menerusi beberapa program dan cara. Berikut merupakan hasil yang berbentuk jadual.

Jadual 4.11: Peranan Kerajaan Negeri dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di

Negeri Sembilan

Peranan Kerajaan Negeri	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Pihak kerajaan memperkasakan Program Hari Mantai Perdana di	2	2.1	3	3.1	15	15.5	34	35.1	43	44.3

seluruh daerah Negeri Sembilan										
Pihak kerajaan memperuntukkan dana untuk membeli lembu, kerbau dan kambing untuk disembelih	4	4.1	3	3.1	25	25.8	32	33.0	33	34.0
Jabatan Warisan Negara membuat satu insentif khas untuk memelihara Hari Mantai	2	2.1	2	2.1	22	22.7	36	37.1	35	36.1
Pihak muzium boleh membuat satu replika yang menunjukkan suasana Hari Mantai pada zaman terdahulu	0	0	1	1.0	18	18.6	39	40.2	39	40.2

Jadual 4.11 menunjukkan peranan kerajaan negeri terhadap Hari Mantai di Negeri Sembilan. Seramai 43 orang (44.3%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *pihak kerajaan memperkasakan Program Hari Mantai Perdana di seluruh daerah Negeri Sembilan*, manakala yang menjawab setuju seramai 34 orang (35.1%). Selain itu, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 15 orang (15.5%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 3 orang (3.1%) dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (2.1%). Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu YAB Dato' Seri Aminuddin Harun menyatakan konsep asal penganjuran program Mantai Perdana dahulu adalah membolehkan rakyat Negeri Sembilan yang kurang berkemampuan membeli daging lembu pada kadar harga yang lebih murah berbanding harga pasaran semasa (Faiz Abdullah, 2021).

Seterusnya, pernyataan *pihak kerajaan memperuntukkan dana untuk membeli lembu, kerbau dan kambing untuk disembelih* telah menunjukkan seramai 33 orang (34.0%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 32 orang (33.0%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 25 orang (25.8%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 3 orang (3.1%) dan sangat tidak setuju seramai 4 orang (4.1%). Ini menunjukkan insentif kerajaan negeri dalam memperuntukkan dana yang besar untuk menjalankan aktiviti penjualan daging Hari Mantai di Negeri Sembilan. Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun pernah menyatakan program Hari Mantai kerajaan telah menyediakan 11 lokasi di semua daerah bagi memberi peluang kepada masyarakat di luar kawasan Seremban untuk mendapatkan bekalan daging. Sebanyak 38,000 kilogram daging lembu yang telah diperuntukkan dan diberikan kepada 12,666 penduduk dengan tawaran harga yang lebih murah berbanding dengan harga pasaran (Raja Noraina, 2019).

Selain itu, pernyataan *Jabatan Warisan Negara (JWN) membuat satu insentif khas untuk memelihara Hari Mantai* telah menunjukkan seramai 35 orang (36.1%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 36 orang (37.1%). Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 22 orang (22.7%). Manakala, responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (2.1%). Kita sedia maklum bahawa Jabatan Warisan Negara (JWN) merupakan sebuah institusi memelihara dan mengekalkan warisan Negara. Pihak kerajaan negeri boleh berkerjasama dengan JWN kerana JWN berfungsi dalam menguruskan warisan negara terutamanya dalam bidang perlesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan. Di bawah jabatan ini, penyistiharkan beberapa warisan negara untuk dijadikan hak milik negara sebagai warisan negara (Ab.Samad, 2010).

Akhir sekali, pernyataan *pihak muzium boleh membuat satu replika yang menunjukkan suasana Hari Mantai pada zaman terdahulu* telah menunjukkan seramai 39 orang (40.2%) menjawab sangat setuju dan setuju. Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 18 orang (18.6%). Manakala, menjawab tidak setuju seramai 1 orang (1.0%). Di Negeri Sembilan mempunyai Muzium Adat yang terletak di Kuala Klawang, Jelebu. Kewujudan Muzium Adat khusus di Negeri Sembilan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan identiti Negeri Sembilan sebagai “Tanah Beradat” (Potral Majlis Daerah Jelebu, 2016). Oleh itu, pengkaji dapat melihat pihak kerajaan negeri menjalinkan kerjasama dengan badan permuziuman adat Negeri Sembilan menghasilkan replika tradisi Hari Mantai agar dapat dipamerkan dan diletakan mengikut kesesuaian sudut muzium tersebut.

#### 4.6.4 Peranan Institusi Pendidikan Terhadap Hari Mantai

Institusi pendidikan merupakan mekanisma yang terakhir yang dikaji oleh pengkaji. Berikut merupakan hasil analisis yang dinyatakan di dalam jadual.

Jadual 4.12: Peranan Institusi Pendidikan dalam mengekalkan kelestarian Hari Mantai di Negeri Sembilan.

Peranan Institusi Pendidikan	Skala									
	1		2		3		4		5	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Di peringkat sekolah guru membuat pendedahan kepada pentingnya menjaga adat dan tradisi yang sedia ada	0	0	0	0	9	9.3	45	46.4	43	44.3
Menunjukkan demo cara	2	2.1	12	12.4	19	19.6	35	36.1	29	29.9

penyembelihan daging Mantai di sekolah sebagai subjek amali										
Menerapkan nilai-nilai yang ada pada Hari Mantai ke dalam kehidupan seharian	1	1.0	1	1.0	13	13.4	41	42.3	41	42.3
Di peringkat universiti membuat kajian pendedahan tentang Hari Mantai	2	2.1	2	2.1	21	21.6	32	33.0	40	41.2

Jadual 4.12 menunjukkan peranan institusi pendidikan terhadap Hari Mantai di Negeri Sembilan. Seramai 43 orang (44.3%) menjawab sangat setuju terhadap pernyataan *di peringkat sekolah guru membuat pendedahan kepada kepentingan menjaga adat dan tradisi yang sedia ada* manakala yang menjawab setuju seramai 45 orang (46.4%). Terdapat menjawab tidak pasti seramai 9 orang (9.3%). Hal ini kerana, institusi pendidikan paling terawal bermula di peringkat sekolah di mana memperkenalkan adat dan budaya penting diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Rafie Azimi, 2021). Oleh itu, pendidikan tentang kepentingan menjaga adat dan tradisi perlu dilakukan oleh seorang pendidik yang bergelar guru untuk memberikan gambaran yang dijelaskan kepada anak didikan.

Selain itu, pernyataan *menunjukkan cara penyembelihan daging Mantai di sekolah sebagai subjek amali* telah menunjukkan seramai 29 orang (29.9%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 35 orang (36.1%). Seterusnya, terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 19 orang (19.6%). Manakala, responden menjawab tidak setuju seramai 12 orang (12.4%) dan sangat tidak setuju



seramai 2 orang (2.1%). Di dalam institusi pendidikan terutama di peringkat sekolah kita mempunyai subjek yang menjalankan kerja amali. Hal ini kerana, perluasan pengetahuan tradisi Hari Mantai dari segi cara penyembelihan daging Mantai masih tiada pendedahan secara umum kepada masyarakat luar terutama golongan muda untuk mengetahui tradisi Hari Mantai yang dilaksanakan di Negeri Sembilan. Pengkaji telah membuat sesi temu bual bersama penduduk Kampung Pantai yang menyatakan bahawa “*setakat ini pendedahan tentang cara untuk sembelih daging Mantai atau aktiviti yang dilaksanakan pada Hari Mantai secara umum masih tiada di peringkat sekolah*” (R10, Temu bual, 2 Oktober 2021). Oleh itu, pernyataan tersebut jelaslah bahawa pendidikan ialah yang digunakan untuk memperbaiki dan mengekalkan bermasyarakat. Ini bagi memupuk generasi baharu yang mampu memenuhi tanggungjawab dan keperluan masyarakat yang diperlukan (Rafie Azimi, 2021).

Seterusnya, di dalam Jadual 4.12 pernyataan *menerapkan nilai-nilai yang ada pada Hari Mantai ke dalam kehidupan sehari-hari* telah menunjukkan seramai 41 orang (42.3%) menjawab sangat setuju dan setuju. Terdapat responden menjawab tidak pasti seramai 13 orang (13.4%). Manakala, responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 1 orang (1.0%). Nilai murni dan adab merujuk kepada kelakuhan yang baik, beradab, tertib, budi bahasa dan kesopanan seseorang individu dalam hubungan tuhan, manusia dan alam sekitar (Norazri, 2015). Ini menunjukkan perlaksanaan tradisi Hari Mantai sebenarnya mempunyai nilai-nilai penting yang diamalkan orang terdahulu hingga dijadikan sebagai sebuah warisan yang harus diwarisan oleh generasi akan datang.

Akhir sekali, pernyataan *di peringkat universiti membuat kajian pendedahan tentang Hari Mantai* telah menunjukkan seramai 40 orang (41.2%) menjawab sangat setuju, manakala yang menjawab setuju seramai 32 orang (33.0%). Terdapat responden

menjawab tidak pasti seramai 21 orang (21.6%). Manakala, responden menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (2.1%). Pendidikan di peringkat universiti merupakan peringkat tertinggi dalam menimba ilmu pengetahuan. Menurut Dr Tan Sri Rais Yatim menyatakan bahawa masyarakat Melayu perlu memelihara seni budaya dan warisannya bagi mengelakkan terhakisnya nilai-nilai Melayu dalam kalangan orang Melayu. Jika masyarakat Melayu mengabagikan usaha melindungi dan memupuk seni budaya warisan mereka akan ditelan zaman dan tidak lagi mempunyai identiti. Oleh itu, pendidikan di peringkat universiti adalah satu platform terbaik untuk mengumpul dan menyimpan kajian-kajian yang berkaitan dengan tradisi Hari Mantai malah boleh dijadikan rujukan kepada penyelidikan akan datang.

#### **4.7 Penutup**

Secara keseluruhan, tiga objektif yang telah digariskan oleh pengkaji telah tercapai meskipun kajian yang dijalankan terdapat beberapa batasan ketika proses pengumpulan maklumat tersebut. Hasil kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Melalui hasil kutipan data kualitatif, pengkaji menemu bual 10 orang informan. Melalui kaedah ini secara tidak langsung dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang amalan yang berlaku pada Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Di samping itu, analisis data melalui kaedah kuantitatif pula menunjukkan bahawa seramai 97 orang responden daripada Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji secara tidak langsung membantu pengkaji mendapatkan jawapan yang diperlukan hasil daripada kerjasama pihak berkenaan.

Sehubungan itu, dapat dilihat pemilihan teori persepsi adalah sesuai dan bertepatan dengan kajian yang diperolehi. Hal ini kerana, menurut Philip Kolter (1999) persepsi ialah cara seseorang memilih dan taksiran input maklumat untuk mencipta gambaran keseluruhan yang bermakna. Persepsi ialah pemerhatian terhadap objek, peristiwa atau hubungan diperolehi dengan membuat inferens maklumat (Rahmat, 2007). Namun begitu, persepsi ialah satu proses tafsiran atau tafsiran maklumat yang diperoleh melalui pancaindera manusia (Surhaman, 2005). Maka berdasarkan pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa persepsi ialah proses bermula dari pandangan seseorang hingga membentuk hipotesis peribadi.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Kajian ini membincangkan tentang peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini merangkumi lima bab iaitu bab satu terdiri daripada pengenalan kajian yang dilakukan, bab dua pula merupakan kajian literatur dan kerangka teori, bab ketiga adalah metodologi kajian, bab empat ialah dapatan kajian dan dalam bab yang terakhir iaitu bab lima terdiri daripada perbincangan dan rumusan kajian.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Bab satu di dalam kajian ini membincangkan tentang keseluruhan pengenalan kajian yang hendak dilakukan iaitu merangkumi latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Melalui kajian ini bertujuan untuk meneroka tiga objektif iaitu mengenal pasti amalan yang berlaku pada Hari Mantai di Negeri Sembilan, mengkaji peranan Hari Mantai menurut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam mengekalkan dan melestarikan Hari Mantai di Negeri Sembilan.

Permasalahan kajian didapati apabila pengurangan nilai kemasyarakatan dalam tradisi Hari Mantai, kurang pendokumentasian untuk mengenali Hari Mantai dan masyarakat melayu Negeri Sembilan mula mengabaikan konsep kebersamaan dan kekitaan dalam tradisi Hari Mantai. Kajian ini hanya tertumpu di kawasan Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Bab ini juga menjelaskan tentang metodologi kajian yang telah digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Bab dua pula menghuraikan tentang kajian literatur dan aplikasi teori. Kajian literatur ini berkaitan tentang Negeri Sembilan dan Warisan Budaya (Warisan tak ketara), penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan, amalan utama Adat Perpatih di Negeri Sembilan, peranan dan fungsi Hari Mantai. Di dalam bab ini juga turut membincangkan aplikasi teori yang digunakan dalam kajian iaitu teori persepsi yang diperolehi daripada Rhenald Kasali (2006). Teori persepsi ini terdiri daripada empat faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat iaitu faktor latar belakang budaya, pengalaman masa lalu, nilai-nilai yang dianuti dan berita-berita yang berkembang.

Bab tiga pula menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan kepustakaan manakala kaedah kuantitatif pula menggunakan kaedah soal selidik kepada responden. Pengumpulan data pula diperolehi melalui data primer dan sekunder. Data primer merupakan kaedah temu bual dan soal selidik, manakala data sekunder pula merupakan kaedah perpustakaan. Bab ini juga membincangkan tentang kaedah analisis data yang telah digunakan iaitu menggunakan analisis tematik daripada transkrip temu bual setelah memperoleh data melalui temu bual. Selain itu, data-data yang dikumpul berdasarkan soalan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik.

Bab empat membincangkan analisis dapatan kajian hasil daripada temu bual dan soal selidik yang telah dijalankan. Antara perkara yang telah dihuraikan dan dianalisis dalam bab ini ialah mengenalpasti amalan yang berlaku pada Hari Mantai di Negeri Sembilan, mengkaji peranan Hari Mantai menurut perspektif masyarakat di Negeri Sembilan dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam mengekalkan dan

melestarikan Hari Mantai di Negeri Sembilan. Segala maklumat yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama 10 orang informan dianalisis dalam analisis tematik daripada transkrip temu bual. Manakala borang soal selidik pula diedarkan kepada 97 orang di Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Teori persepsi daripada Rhenald Kasali (2006) digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dijalankan tentang persepsi masyarakat terhadap mengekalkan tradisi Hari Mantai di Negeri Sembilan.

## 5.2 Penemuan Utama

Dapatan kajian utama yang diperolehi daripada kajian ini ialah peranan yang dimainkan oleh Hari Matai dilihat masih relevan kerana ia masih diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Namun begitu, masih terdapat dikalangan mereka yang hanya meraikan Hari Mantai tetapi tidak mengetahui sepenuhnya erti Hari Mantai dan juga apa sebab perayaan itu di raikan. Perayaan ini diraikan dengan meriahnya oleh generasi terdahulu, mengikut adat dan cara ia diraikan dengan sebenarnya, tetapi bagi generasi kini, mereka sekadar mengikuti cara ia diraikan dan apabila di temu ramah, tidak banyak fakta yg mereka ketahui.

Dapatan kajian utama yang telah diperoleh daripada kajian ini masih terdapat masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang tidak mengetahui sepenuhnya mengenai Hari Mantai. Mereka hanya meraikan Hari Mantai tanpa mengetahui apa sebenarnya yang perlu dilakukan pada hari tersebut. Mereka melakukan aktiviti membantai dengan hanya melihat dan melakukan aktiviti tersebut tanpa tahu tujuan utama dilaksanakanya.

Justeru itu, peranan Hari Mantai dilihat perlu dikembangkan hingga di peringkat akar umbi supaya Hari mantai dapat diraikan oleh generasi masa kini dengan erti kata sebenar. Peranan Hari Mantai dilihat sangat penting kepada generasi masa kini dan akan datang kerana ianya memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat seperti nilai kemasyarakatan, kebersamaan dan kepatuhan. Pengkaji melihat perkara seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat walaupun mereka kini terdedah dengan kesibukan dalam bidang pekerjaan dan urusan masing-masing.

Secara kesimpulannya, kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya individu, masyarakat, kerajaan negeri dan institusi pendidikan dilihat memainkan peran yang penting bagi mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya Hari Mantai. Tanggungjawab pihak berkenaan bukan sahaja perlu untuk mengekalkan aktiviti pada Hari Mantai tetapi juga perlu mengiktiraf Hari Mantai sebagai adat atau tradisi yang wajib di Negeri Sembilan. Ini disebabkan, Negeri Sembilan cukup terkenal dengan adat dan tradisinya yang berbeza adatnya dari negeri-negeri lain kerana negeri Sembilan terkenal dengan adat perpatih.

### 5.3 Cadangan

Memartabatkan sesebuah tradisi seperti tradisi Hari Mantai merupakan tanggungjawab yang perlu digalas oleh semua pihak untuk mengekalkan budaya yang sudah disinonimkan dengan budaya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kewujudan tradisi Hari Mantai dengan penuh nilai-nilai moral yang boleh diambil sebagai panduan hidup, malah dijadikan pengetahuan dan tatapan untuk generasi muda dan generasi akan datang. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dalam memartabatkan tradisi hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

### 5.3.1 Kajian Akan Datang

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji akan datang perlu membuat kajian yang lebih menyeluruh mengenai tradisi Hari Mantai. Sepanjang menjalankan kajian terhadap Hari Mantai ini, tidak banyak rujukan berkaitan proses dan perlaksanaan tentang Hari Mantai dan penceritaan yang terperinci tentang Hari Mantai dibukukan. Kebanyakkan rujukan yang didapati adalah berkaitan tentang masyarakat mengamalkan tradisi Hari Mantai secara umum. Oleh itu, tidak banyak rujukan yang dibukukan berdasarkan hasil tinjauan literatur. Justeru itu, pengkaji akan datang dicadangkan untuk membukukan kajian mengenai peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan dan diberikan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

### 5.3.2 Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan Tradisi Hari Mantai

Sesebuah masyarakat sangat memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan tradisi Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Hal ini kerana, tradisi Hari Mantai akan wujud apabila dalam sebuah kumpulan. Selain itu, masyarakat dan penduduk setempat sangat perlu menyedari peranan mereka dalam usaha untuk mengekalkan tradisi Hari Mantai. Ini menunjukkan bahawa peranan utama mereka adalah memfokuskan aktiviti Hari Mantai yang dijalankan. Oleh itu, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan tradisi Hari Mantai mampu menghargai budaya mereka dan dapat dipraktikkan dengan sebetulnya. Malah dapat melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dalam memupuk semangat kerjasama di antara satu sama lain.

### 5.3.3 Institusi Pendidikan Melakukan Pendedahan Awal terhadap Tradisi Hari Mantai

Institusi pendidikan juga dilihat mampu membantu dalam usaha untuk mengekalkan tradisi Hari Mantai. Institusi pendidikan ini boleh mendidik golongan anak muda dalam membina semangat bergotong-royong pada peringkat awal. Hal ini kerana, aktiviti Hari Mantai itu adalah salah satu aktiviti yang sama dengan bergotong-royong dan kerjasama dalam sesebuah kumpulan. Institusi pendidikan boleh memberi pendedahan melalui cara dengan mengadakan aktiviti Hari Mantai secara bergotong-royong dengan lebih kerap. Oleh itu, dapat mendidik generasi untuk mempunyai semangat kerjasama dan bergotong-royong dari peringkat awal.

### 5.3.4 Mengiktiraf Warisan Orang Hidup Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan

Pengiktirafan Warisan Orang Hidup adalah satu inisiatif terbaik bagi merancakkan usaha pengekalan peranan Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kekurangan orang sumber yang diiktiraf juga akan menghilangkan sumber rujukan yang sahih mengenai tradisi Hari Mantai. Orang sumber yang diiktiraf merupakan sumber utama dalam kerja-kerja pendokumentasian kajian warisan budaya tidak ketara. Umum telah sedia maklum bahawa pendokumentasian warisan tradisi sesuatu masyarakat. Oleh itu, pihak berkepentingan iaitu Jabatan Warisan Negara (JWN) hendaklah berusaha keras untuk mengesan orang sumber yang boleh dipercayai dan dipastikan kebenaran maklumatnya untuk diiktiraf sebagai Warisan Orang Hidup dibawah JWN.

Diharapakan kajian ini akan memberi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat serta pengkaji warisan pada masa akan datang. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat memberi pendedahan yang jelas kepada pembaca mengenai peranan

Hari Mantai dalam kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Selain itu, melalui kajian ini generasi muda masa kini akan lebih mengenali dan mendekati warisan tidak ketara masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Pengekalan terhadap mekanisma yang relevan dalam melestarikan Hari Mantai di Negeri Sembilan seharusnya menjadi titik mula dalam usaha melestarikan warisan tidak ketara masyarakat Melayu di Negeri Sembilan sekaligus dapat mengembangkan lagi bidang penyelidikan di negara ini.



# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

## APENDIKS


### Apendiks (Gambar Kajian Lapangan)



Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan



Sekolah Rendah: Sekolah Kebangsaan Pantai



Perpustakaan Desa, Kampung Baru Pantai



Masjid Pantai

KELANTAN



Pekan Pantai



Balai Polis Pantai

KELANTAN

## RUJUKAN

- Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)
- Aminuddin, A. H. (2019). Undang-Undang Tanah Pusaka Di Negeri Sembilan:Sejarah Asal Usul Dan Perkembangan. *Universiti Islam Negeri Sultan Taha Saifudin Jambi*, 1-52.
- Awang, H. (2016). Ekspresi Budaya Tradisional Dalam Era Dunia Tanpa Sempadan: Cabaran Terkini. *Gendang Alam*, 1-16.
- Azimi, M. R. (30 Oktober, 2021). *Pelan Transformasi Digital Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Retrieved from Utusan Malaysia:  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2021/10/pelan-transformasi-digital-pendidikan-awal-kanak-kanak/>
- Baharuddin, S. A. (2007). *Globalisasi Dan Adat Perpatih: Satu Ulasan Kritis*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Biggerstaff, D. (2011). Qualitative Research Method In Psychology. In G. Rossi, *Psychology* (pp. 175-200). United Kingdom: InTech.
- Choudhury, A. (31 December, 2021). *Participant Observation and Non-Participant Observation*. Retrieved from Your Article Library:  
<https://www.yourarticlerepository.com/social-research/data-collection/participant-observation-and-non-participant-observation/64510>
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed-Method Approaches*. Boston: SAGE Publications.
- Dasuki, S., Radzi, F. M., Idris, N., & Abdullah, N. H. (2015). Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan SosioBudaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi

- Budaya Asing Dakam Perkahwinan Melayu. *UITM Cawangan Kedah-  
INSPIN*, 1-16.
- Deraman, A. (2016). *Asas Pemekiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Ford, J. K., & Webissbein, D. A. (1997). Transfer of Training: An Update Review  
And Analysis. *Research Gate*, 22-41.
- Glassie, H. (1995). Tradition. *American Folklore Society*, 1-19.
- Hadi, A. S. (2007). *Merantau Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan*.  
Kuala Lumpur : Jabatan Warisan Negara.
- Haron, N. (2007). *Pentadbiran Tanah Adat Di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur:  
Jabatan Warisan Negara.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangka Kerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan:  
Satu Kajian Kes Abstrak. *Social Sciences and Humanities*, 17-24.
- Ibrahim, N. (2007). *Sejarah kewujudan Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Jabatan  
Warisan Negara.
- Ibrahim, N. H. (1983). Adat Perpatih And Adat Temenggung. *Sari 1* (2), 175-191.
- Iksan, Z., Hamjah, S. H., Tengku Puji, T. Z., & Saper, M. N. (2016). Kualiti Ilmu  
Berasaskan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Dalam Penyebaran Ilmu  
Islam: Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif. *Hadhari 8* (1), 1-18.
- Ismail, M. (13 Oktober, 2014). *Pertahan Warisan Budaya Pelbagai Kaum Etnik*.  
Retrieved from Utusan Borneo:

- <https://www.utusanborneo.com.my/2014/10/13/pertahan-warisan-budaya-pelbagai-kaum-etnik>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif . Siri 1*, 1-15.
- Kamarudin, K. (23 April, 2020). *"Mantai" yang pasti dirindui tahun ini*. Retrieved from Bernama: <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1834898>
- Kasali, R. (2007). *Manajemen periklanan : Konsep Dan Aplikasinya di Indonesia*. Jakarta: PAU- Ekonomi Universitas Indonesia.
- Marohaini, Y. (2001). *Penyelidikan kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Univesity of Malaya Press.
- Moleong, L. J. (2018). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Muhammad Amirul Hafiz Zulfikli, M. S. (2017). Strategi Pemasaran Pameran muzium : KajianKes Muzium Kesenian Islam Malaysia. *Akademi Pengajian Melayu*, 1-90.
- Murgiyanto, S. (2015). Mengenai Kajian Pertunjukan. In *Metodologi Kajian Tradisi Lisan* (pp. 11-30). Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Nawi, N. H. (2010). Konsep Insan Moral Menurut Acuan Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusian*, 108-125.
- Norazri. (2015). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran. *Sematic Scholer*, 1-43. Retrieved from Sematin Scholar:  
<https://www.semanticscholar.org/paper/PENERAPAN-NILAI-NILAI->

MURNI-DALAM-PROSES-PENGAJARAN-

Zaidin/1e0f62856be152ef5040d84f3ac74f964ec566a4

Nurdin, D. D. (2019). *Metodologi Penelitian Sosial*. Surabaya: Media Sahabat  
Surabaya.

Omar, R. (2008). Negeri Sembilan : Rantau Minangkabau Di Semenanjung Tanah  
Melayu. *Jurnal Pendidikan Dan Penelitian Sejarah*, 1-32.

Osman, M. T. (2020). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan  
Bahasa dan Pustaka.

Othman, I. (1979). *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-  
Undang Adat*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Dan Bahasa.

Rahmat, M. F. (2021). *Tetap Aktif Lakukan Aktiviti Kemasyarakatan*. Retrieved from  
Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/749744/tetap-aktif-lakukan-aktiviti-kemasyarakatan>

Ridhwan, A. (2005). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Rozman, I. (2018). Pengukuran Dalam Penyelidikan: Kebolehpercayaan Dan Kesahan  
Dalam Kajian. *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1-28.

Ruzki, R. M. (10 Mei, 2017). *Kebersamaan Antara Kaum Penting Pacu Kejayaan  
Negara*. Retrieved from Berita Harian:  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/05/281160/kebersamaan-antara-kaum-penting-pacu-kejayaan-negara-pm>

Salleh, R. B. (2019). *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan*. Negeri  
Sembilan : Muzium Adat.

Saludin, M. R. (2007). *Terombo Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Saludin, M. R. (2015). Kepelbagaian Dan Keunikan Adat Negeri Sembilan Memperkuatka Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1-15.

Selat, N. (2007). *Adat Perpatih: Visi dan Misi*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Yasin, M. (2007). *Adat Bersendi Hukum, Hukum Bersendi Kitabullah*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Yatim, R. (2007). *Adat Perpatih, Common Law And Equity: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Yusof, M. Y., & Hanafiah, M. G. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 33-46.

Yusoff, Y. M. Dollah, H, & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu, *Jurnal Melayu* (8), 173-188.